

**PENGURUSAN TAPAK ARKEOLOGI: KAJIAN POTENSI
PEMBANGUNAN ARKEOPELANCONGAN DI DAERAH
DABONG, KELANTAN**

SUFIA NUR AMIRAH BINTI SHAKIRIN

UNIVERSITI



MALAYSIA

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2025



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PENGURUSAN TAPAK ARKEOLOGI: KAJIAN POTENSI
PEMBANGUNAN ARKEOPELANCONGAN DI DAERAH
DABONG, KELANTAN**

disedikan oleh:

SUFIA NUR AMIRAH BINTI SHAKIRIN

**Projek penyelidikan disediakan bagi memenuhi syarat Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2025

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya saya berjaya menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan tahniah kepada diri sendiri atas usaha dan kesungguhan dalam menyiapkan kajian ini hingga ke akhirnya. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya, Cik Noridayu Bakry atas bimbingan, tunjuk ajar, nasihat serta dorongan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini. Segala komitmen dan kesabaran beliau amat saya hargai.

Saya juga merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya, atas doa, sokongan moral, dorongan serta kasih sayang yang menjadi sumber kekuatan utama dalam menyempurnakan kajian ini. Seterusnya, terima kasih turut ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu, memberi semangat dan berkongsi pandangan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Tidak ketinggalan, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada masyarakat Daerah Dabong, Kelantan atas kerjasama, maklumat dan sokongan yang diberikan dalam membantu menjawab persoalan kajian saya. Sumbangan mereka amat bermakna dalam memastikan kelancaran kajian ini. Akhir sekali, saya berharap hasil kajian ini dapat memberi manfaat dan menjadi rujukan kepada orang ramai pada masa akan datang.

ABSTRAK

PENGURUSAN TAPAK ARKEOLOGI: KAJIAN POTENSI PEMBANGUNAN ARKEOPELANCONGAN DI DAERAH DABONG, KELANTAN

Kajian ini meneliti pengurusan tapak arkeologi di Daerah Dabong, Kelantan serta menilai potensi pembangunan arkeopelancongan sebagai salah satu pemangkin pembangunan sosioekonomi setempat. Dabong merupakan kawasan yang kaya dengan tinggalan arkeologi, khususnya gua-gua bersejarah yang mengandungi data budaya material bernilai tinggi. Namun demikian, tahap pengurusan, dokumentasi dan penyampaian maklumat kepada masyarakat masih berada pada tahap yang rendah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah pemerhatian lapangan dan temu bual bersama pihak berkepentingan serta analisis dokumen untuk mendapatkan gambaran menyeluruh terhadap keadaan semasa tapak dan potensi pembangunan arkeopelancongan. Hasil kajian mendapati bahawa Dabong mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai destinasi arkeopelancongan berasaskan sumber warisan semula jadi dan budaya. Namun memerlukan penambahbaikan dari aspek pengurusan tapak, infrastruktur, keselamatan, promosi dan kesedaran. Kajian ini mencadangkan strategi pembangunan arkeopelancongan yang berteraskan pemuliharaan lestari dan penyertaan komuniti bagi memastikan tapak arkeologi di Dabong dapat diurus secara sistematik serta memberi manfaat jangka panjang kepada pelbagai pihak.

Kata kunci: pengurusan tapak arkeologi, arkeopelancongan, pemuliharaan warisan, Dabong, warisan budaya, pembangunan lestari, penglibatan komuniti, Kelantan.

ABSTRACT

ARCHAEOLOGICAL SITE MANAGEMENT: A STUDY ON THE POTENTIAL DEVELOPMENT OF ARCHAEO-TOURISM IN THE DABONG DISTRICT, KELANTAN

This study examines the management of archaeological sites in the Dabong District, Kelantan and evaluates the potential for developing archaeotourism as a catalyst for local socio-economic development. Dabong is an area rich in archaeological remains, particularly historic caves containing valuable material cultural data. However, the level of management, documentation, and dissemination of information to the public is still low. This study employs a qualitative approach through field observation, interviews with stakeholders, and document analysis to obtain a comprehensive understanding of the current condition of the sites and the potential for archaeotourism development. The study found that Dabong has significant potential to be developed as an archaeotourism destination based on natural and cultural heritage resources. However, improvements are needed in terms of site management, infrastructure, safety, promotion, and awareness. This study proposes an archaeotourism development strategy based on sustainable conservation and community involvement to ensure that the archaeological sites in Dabong are managed systematically and provide long-term benefits to various parties.

Keywords: archaeological site management, archaeotourism, heritage conservation, Dabong, cultural heritage, sustainable development, community involvement, Kelantan.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
SENARAI JADUAL	iv
SENARAI RAJAH	v
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Permasalahan Kajian	2
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Skop Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.7.1 Penyelidikan	9
1.7.2 Pendidikan	9
1.7.3 Masyarakat	10
1.7.4 Ekonomi	11
1.7.5 Negara	11
1.8 Rumusan	12
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.1 Pengenalan	14
2.2 Pengurusan Tapak Arkeologi	14
2.3 Pembangunan Arkeopelancongan	16
2.3.1 Pembangunan Arkeopelancongan Antarabangsa	17
2.3.2 Pembangunan Arkeopelancongan Di Malaysia	20
2.3.3 Pembangunan Arkeopelancongan Di Kelantan	25
2.4 Rumusan	29

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	31
3.2 Reka Bentuk Kajian	31
3.3 Kaedah Kajian	34
3.4 Pensampelan Penyelidikan	38
3.5 Pengumpulan Data	39
3.6 Analisis Data	40
3.7 Rumusan	42

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan	44
4.2 Potensi Tapak Arkeologi Di Daerah Dabong, Kelantan Sebagai Destinasi Arkeopelancongan Yang Lestari	44
4.3 Cabaran dalam Pembangunan Arkeopelancongan di Tapak Daerah Dabong, Kelantan.	53
4.3.1 Cabaran Dalam Pembangunan Arkeopelancongan melalui Kaedah Pemerhatian Tapak	53
4.3.2 Cabaran Dalam Pembangunan Arkeopelancongan melalui Kaedah Temu Bual	56
4.4 Strategi Pengurusan Pembangunan Arkeopelancongan Di Daerah Dabong, Kelantan.	60
4.4.1 Strategi Pengurusan Pembangunan Arkeopelancongan Melalui Pemerhatian	61
4.4.2 Strategi Pengurusan Pembangunan Arkeopelancongan Melalui Temu Bual	63
4.5 Demografi Responden	67
4.5.2 Faktor Yang Mempengaruhi Potensi Arkeopelancongan Di Daerah Dabong, Kelantan	71
4.5.3 Cabaran Yang Dihadapi Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi Di Daerah Dabong, Kelantan	88
4.6 Rumusan Potensi Tapak Arkeologi di Daerah Dabong, Kelantan	104

	Sebagai Destinasi Arkeopelancongan yang Lestari	
	4.7 Rumusan Cabaran dalam Pembangunan Arkeopelancongan di Tapak Daerah Dabong, Kelantan	106
	4.8 Rumusan	108
BAB 5	KESIMPULAN	
	5.1 Pengenalan	110
	5.2 Rumusan Objektif Pertama: Menganalisis potensi tapak arkeologi di daerah Dabong, Kelantan sebagai destinasi arkeopelancongan yang lestari	110
	5.3 Rumusan Objektif Kedua: Menilai cabaran dalam pembangunan arkeopelancongan di tapak daerah Dabong, Kelantan	112
	5.4 Rumusan Objektif Tiga: Mencadangkan strategi pengurusan pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan	113
	5.5 Implikasi	114
	5.6 Cadangan	119
	5.7 Kesimpulan	121
	RUJUKAN	123
	LAMPIRAN	127

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian	33
3.2	Kaedah Kajian	34
4.2	Butiran Informan	50
4.6	Dapatan Kajian Tentang Potensi Tapak Arkeologi di Daerah Dabong, Kelantan Sebagai Destinasi Arkeopelancongan yang Lestari	104
4.7	Dapatan Kajian Tentang Cabaran dalam Pembangunan Arkeopelancongan di Tapak Daerah Dabong, Kelantan	106

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Peta Lokasi Gua-Gua Yang Berpotensi sebagai pembangunan Arkeopelancongan	8
2.1 Angkor Wat, Kemboja	20
2.2 Lembah Bujang, Kedah	23
2.3 Bukit Bunuh, Perak	25
2.4 Gua Cha, Kelantan	28
4.2.1 (a) Laluan Atau Trek Di Gua Keris Yang Berbukit Dan Mencabar Memerlukan Tahap Kecergasan Yang Tinggi Untuk Didaki	46
4.2.1 (b) i Sampah Jenis Botol Kaca Di Laluan Gua Kurap	47
4.2.1 (b) ii Bekas Kotak Rokok Dan Botol Minuman Yang Dibuang Di Kawasan Gua Kuari	48
4.2.1 (c) i Contengan Di Dinding Gua Ikan	49
4.2.1 (c) ii Susunan Batu Di Gua Keris, Dabong Yang Disengajaka Yang Boleh Mengakibatkan Gangguan Terhadap Konteks Asal Tapak Arkeologi Dan Mengganggu Habitat Semula Jadi	49
4.5.1 (a) Jantina Responden	68
4.5.1 (b) Umur Responden	69
4.5.1 (c) Tahap Pendidikan Responden	71
4.5.2 (a) i Tahap Keselamatan Tapak Warisan Arkeologi Di Dabong Adalah Selamat Untuk Dikunjungi	73
4.5.2 (a) ii Papan Tanda Keselamatan Disediakan Dengan Jelas Di Sekitar Kawasan Tapak	74
4.5.2 (a) iii Pihak Pengurusan Memastikan Kawalan Keselamatan Yang Mencukupi	74
4.5.2 (b) i Kemudahan Asas Di Tapak Diselenggara Dengan Baik	77

4.5.2 (b) ii	Papan Maklumat Yang Disediakan Jelas Dan Mudah Difahami	77
4.5.2 (b) iii	Tapak Ini Menyediakan Pelbagai Kemudahan Asas	78
4.5.2 (c) i	Tapak Warisan Arkeologi Mudah Diakses Oleh Pengunjung Melalui Laluan Yang Sedia Ada	80
4.5.2 (c) ii	Kemudahan Pengangkutan Awam Disediakan Bagi Memudahkan Pengunjung Ke Tapak Warisan Arkeologi	80
4.5.2 (c) iii	Akses Internet Membantu Pengunjung Mendapatkan Maklumat Serta Menjejak Lokasi Tapak Warisan Arkeologi	81
4.5.2 (d) i	Akses Internet Membantu Pengunjung Mendapatkan Maklumat Serta Menjejak Lokasi Tapak Warisan Arkeologi	83
4.5.2 (d) ii	Tapak Ini Penting Untuk Dipelihara Dan Dipulihara Sebagai Sebahagian Daripada Warisan Negara	83
4.5.2 (d) iii	Tapak Warisan Arkeologi Di Dabong Mempunyai Nilai Sejarah Yang Tinggi	84
4.5.2 (e) i	Media Sosial Berperanan Sebagai Medium Utama Penyampaian Maklumat Berkaitan Tapak Warisan Arkeologi Di Dabong	86
4.5.2 (e) ii	Promosi Yang Dijalankan Melalui Media Sosial Menarik Minat Pelawat Untuk Mengunjungi Tapak Warisan Arkeologi Di Dabong	87
4.5.2 (e) iii	Maklumat Berkaitan Lokasi Serta Arahkan Ke Tapak Warisan Arkeologi Mudah Diperoleh Melalui Platform Dalam Talian	87
4.5.3 (a) i	Keadaan Laluan Yang Berbahaya Menjejaskan Keselamatan Pelawat	90
4.5.3 (a) ii	Risiko Kerosakan Artifak Atau Tapak Arkeologi Akibat Pencerobohan Dan Perbuatan Vandalisme	90
4.5.3 (a) iii	Kawasan Tapak Arkeologi Tidak Dilengkapi Dengan Kawalan Keselamatan Yang Mencukupi	91
4.5.3 (b) i	Ketiadaan Kemudahan Asas Berdekatan Tapak Warisan Arkeologi	93
4.5.3 (b) ii	Pusat Informasi Atau Pameran Yang Memaparkan Sejarah Tapak Warisan Arkeologi Tidak Berfungsi Dengan Berkesan	93

4.5.3 (b) iii	Kekurangan Papan Arah Yang Jelas Ke Tapak Warisan Arkeologi	94
4.5.3 (c) i	Kos Perjalanan Ke Tapak Warisan Arkeologi Yang Tinggi	96
4.5.3 (c) ii	Pengangkutan Awam Ke Tapak Warisan Arkeologi Sukar Diperoleh	96
4.5.3 (c) iii	Tapak Warisan Arkeologi Tidak Dapat Diakses Pada Musim Tertentu	97
4.5.3 (d) i	Tahap Kesedaran Masyarakat Terhadap Kepentingan Pemeliharaan Warisan Arkeologi Masih Rendah	99
4.5.3 (d) ii	Aktiviti Pelancongan Di Dabong Lebih Tertumpu Kepada Tarikan Alam Semula Jadi Berbanding Tapak Arkeologi	99
4.5.3 (d) iii	Tiada Latihan Khusus Disediakan Kepada Pemandu Pelancongan Berkaitan Sejarah Dan Kepentingan Arkeologi Di Dabong	100
4.5.3 (e) i	Tahap Promosi Mengenai Kewujudan Tapak Arkeologi Di Dabong Masih Rendah	102
4.5.3 (e) ii	Pengunjung Lebih Tertarik Kepada Promosi Pelancongan Berasaskan Alam Semula Jadi Berbanding Tapak Arkeologi Di Dabong	103
4.5.3 (e) iii	Ketiadaan Program Berkaitan Arkeologi Yang Dijalankan Secara Konsisten	103

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tapak arkeologi adalah aset berharga yang menyimpan pelbagai data penting mengenai sejarah dan evolusi tamadun manusia pada zaman dahulu. Penemuan-penemuan ini bukan sahaja membantu kita memahami asal-usul sesuatu masyarakat, malah menjadi asas kepada pembentukan identiti dan warisan budaya sesebuah negara. Menurut Verkerk (2017) konsep arkeopelancongan ialah satu bentuk pelancongan yang baru, di mana pelancong datang untuk melihat tapak arkeologi. Ia boleh membantu menjana pendapatan untuk kajian arkeologi dan kerja-kerja pemuliharaan serta membuka peluang pekerjaan dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Dalam pada masa yang sama dalam bab ini pengkaji akan menerangkan tentang latar belakang daerah Dabong, permasalahan kajian yang timbul, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian serta penutup bagi bab ini.

1.2 Latar Belakang

Dabong ialah sebuah pekan kecil yang terletak dalam Daerah Kuala Krai, Kelantan. Dabong memiliki pelbagai keunikan semula jadi seperti gua, air terjun dan kawasan hutan yang masih terpelihara yang menjadikannya destinasi yang berpotensi untuk pembangunan sektor pelancongan berasaskan alam dan warisan. Berdasarkan Laman Web Rasmi Majlis Daerah Dabong, antara tarikan utama yang menjadikan Dabong terkenal dengan keindahan semula jadi seperti Gunung Stong, Air Terjun

Jelawang, perkhidmatan kereta api (KTM) serta rangkaian gua batu kapur seperti Gua Ikan, Gua Keris dan Gua Pagar yang berpotensi menyimpan nilai arkeologi dan sejarah purba. Kewujudan gua-gua ini menunjukkan potensi kewujudan tinggalan manusia prasejarah, meskipun kajian terperinci masih diperlukan untuk mengesahkannya. Walau bagaimanapun, kelemahan pengurusan dan kurangnya pendedahan terhadap nilai arkeologi kawasan ini menyebabkan warisan tersebut kurang dimanfaatkan secara ilmiah mahupun ekonomi. Pembangunan pelancongan berasaskan alam di Dabong bukan sahaja berpotensi meningkatkan pendapatan penduduk setempat, malah dapat memelihara khazanah alam dan budaya melalui penglibatan komuniti dalam aktiviti pelancongan seperti tempat penginapan, pemandu pelancong dan kraftangan.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini telah mengenal pasti tiga permasalahan utama. Permasalahan pertama ialah tahap kesedaran dan pendidikan yang rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana masih terdapat masyarakat belum memahami kepentingan tapak arkeologi sebagai warisan tidak ternilai yang menggambarkan sejarah, identiti dan budaya sesebuah kawasan. Kebanyakan pelawat mengunjungi tapak arkeologi hanya untuk tujuan riadah atau pelancongan, tanpa memandangkan konteks sejarah tapak tersebut. Sikap ini menyebabkan wujudnya kelalaian dalam memelihara dan menghormati tapak berkenaan. Pelawat yang tidak mempunyai pengetahuan mencukupi tentang nilai arkeologi sering kali bertindak tanpa sedar merosakkan struktur, mengambil artifak sebagai cenderamata, atau meninggalkan sampah yang mencemari kawasan.

Kurangnya pendidikan berkaitan arkeologi di peringkat sekolah dan masyarakat turut menyumbang kepada masalah ini. Warisan sejarah dianggap sebagai sesuatu yang jauh daripada kehidupan seharian dan tidak relevan, sedangkan ia sebenarnya memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri dan pemahaman terhadap asal-usul sesuatu komuniti.

Oleh itu, adalah penting untuk pihak berkuasa, institusi pendidikan dan badan bukan kerajaan melaksanakan program kesedaran secara berterusan. Ini termasuk penyediaan papan maklumat yang interaktif di tapak arkeologi, penganjuran bengkel, seminar, lawatan berpandu, serta integrasi pendidikan warisan dalam kurikulum sekolah. Hanya melalui pendidikan dan kesedaran yang berterusan, masyarakat akan lebih menghargai dan bertanggungjawab dalam memelihara tapak arkeologi sebagai khazanah negara yang tidak ternilai.

Selain itu, keterbatasan infrastruktur pelancongan menyukarkan pelawat untuk memperoleh pengalaman yang bermakna dan selamat. Contohnya, papan maklumat yang kurang jelas, laluan pelawat yang tidak diselenggara dengan baik juga boleh membahayakan keselamatan, terutamanya jika kawasan itu berbukit, berlumut atau licin. Keadaan ini bukan sahaja mengurangkan kualiti lawatan, malah boleh mengakibatkan kecederaan kepada pelawat, khususnya golongan warga emas, kanak-kanak dan mereka yang mempunyai keperluan khas. Kekurangan kemudahan asas seperti tandas, tempat rehat, dan pusat informasi turut menjejaskan pengalaman pengunjung, menjadikan lawatan ke tapak arkeologi sesuatu yang membebankan dan tidak mesra pengguna. Menurut Frischmann (2006) menyatakan bahawa istilah infrastruktur dianggap sebagai sistem sumber fizikal buatan manusia yang disediakan untuk kegunaan awam.

Dalam pada masa yang sama ketiadaan panduan pelawat yang sistematik dan bahan bacaan yang mudah difahami menyebabkan pelawat sukar untuk menghayati nilai sejarah yang terkandung di dalam tapak tersebut. Tanpa konteks yang jelas, pelawat mungkin tidak dapat memahami naratif sejarah yang sepatutnya memberi makna kepada lawatan mereka.

Lebih membimbangkan, kekurangan interpretasi budaya yang relevan dan kontekstual boleh menyebabkan pelawat hanya melihat tapak arkeologi sebagai lokasi fizikal semata-mata, tanpa memahami nilai warisan yang ingin disampaikan. Hal ini secara tidak langsung menjejaskan usaha pemuliharaan jangka panjang kerana masyarakat tidak melihat kepentingan tapak tersebut dari sudut pendidikan dan identiti budaya.

Akhir sekali, ancaman pencerobohan dan kerosakan fizikal. Tapak yang tidak dilindungi dengan baik mudah menjadi sasaran seperti vandalisme, kerosakan tapak atau pencerobohan secara sengaja oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Penggalan haram boleh mengakibatkan kerosakan struktur tapak serta kecurian artifak yang bernilai sejarah dan arkeologi.

Sekiranya ancaman-ancaman ini tidak ditangani dengan serius, ia bukan sahaja akan memusnahkan warisan fizikal yang tidak ternilai, tetapi juga menghakis identiti sejarah sesebuah masyarakat atau negara. Justeru, usaha pemeliharaan yang bersepadu antara pihak berkuasa, pakar warisan, dan komuniti amat penting bagi memastikan tapak arkeologi dilindungi daripada kerosakan dan terus dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

1.4 Persoalan Kajian

Bagi memenuhi objektif kajian, pengkaji telah mengemukakan tiga (3) persoalan kajian yang akan dihuraikan bagi mencapai objektif kajian ini iaitu;

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi potensi pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan?
2. Apakah cabaran yang dihadapi dalam pengurusan tapak arkeologi di daerah Dabong, Kelantan?
3. Apakah strategi pengurusan yang boleh diterapkan untuk memastikan pembangunan arkeopelancongan di Dabong, Kelantan dapat memberi manfaat kepada pelancong serta komuniti setempat?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga (3) objektif utama yang perlu dicapai iaitu;

1. Menganalisis potensi tapak arkeologi di daerah Dabong, Kelantan sebagai destinasi arkeopelancongan yang lestari.
2. Menilai cabaran dalam pembangunan arkeopelancongan di tapak daerah Dabong, Kelantan.
3. Mencadangkan strategi pengurusan pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan.

1.6 Skop Kajian


Kajian ini memberi fokus kepada pengurusan tapak arkeologi di daerah Dabong Kelantan dengan fokus utama terhadap potensi pembangunan arkeopelancongan di kawasan tersebut. Skop kajian merangkumi beberapa tapak arkeologi yang dikenalpasti di sekitar Dabong seperti Gua Ikan, Gua Keris, Gua Pagar dan kawasan berhampiran yang mempunyai nilai sejarah dan budaya. Kajian ini meneliti aspek pengurusan sedia ada, potensi tarikan pelancongan berasaskan arkeologi serta tahap kesedaran dan penglibatan masyarakat tempatan dalam usaha pembangunan arkeopelancongan.

Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang pengurusan tapak arkeologi serta potensi pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan. Kaedah pengumpulan data utama yang digunakan termasuk temu bual seperti agensi berkaitan pelancongan, penyelidik arkeologi, pelancong dan penduduk setempat. Di samping itu, kaedah pemerhatian turut digunakan bagi menilai keadaan fizikal tapak arkeologi serta aktiviti pelancongan yang berkaitan. Dokumen rasmi, laporan serta bahan bercetak lain turut dianalisis sebagai sokongan kepada data yang diperoleh di lapangan. Analisis data dilakukan bagi mengenal pasti isu, cabaran dan potensi yang berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan arkeopelancongan di kawasan kajian.

Tempoh kajian ini melibatkan dua lawatan ke lokasi kajian dalam jangka masa tertentu bagi memastikan proses pengumpulan data dan analisis dijalankan secara sistematik dan terancang. Lawatan pertama telah dilaksanakan pada 7 hingga 8 Februari 2025, fasa pertama lawatan pengkaji telah membuat perancangan, pengumpulan data

lapangan dan analisis awal yang digunakan sebagai asas dalam penulisan laporan kajian. Lawatan kedua akan dijalankan selepas perjumpaan susulan bagi memberi ruang kepada penglibatan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk komuniti setempat, agensi pelancongan serta Majlis Daerah Dabong yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembangunan tapak arkeologi di daerah tersebut. Lawatan ini dijadualkan berlangsung pada 23 hingga 25 September 2025. Penetapan tempoh tersebut turut mengambil kira faktor cuaca serta kesesuaian masa bagi pelaksanaan kerja lapangan, khususnya di kawasan gua dan tapak sejarah yang mudah terjejas semasa musim hujan atau akibat keadaan persekitaran.

Lokasi kajian ini tertumpu di daerah Dabong, yang terletak dalam jajahan Kuala Krai, Kelantan. Dabong dipilih sebagai kawasan kajian kerana ia kaya dengan sumber arkeologi dan berpotensi tinggi untuk dibangunkan sebagai destinasi arkeopelancongan. Antara tapak arkeologi yang dikenal pasti dalam kajian ini termasuk Gua Ikan, Gua Pagar, Gua Keris, Gua Kurap, Gua Kuari dan kawasan sekitarnya yang mengandungi tinggalan sejarah serta struktur geologi yang signifikan. Kawasan ini turut mempunyai elemen semula jadi yang menarik seperti sungai, gua batu kapur dan hutan tropika yang menjadikannya lokasi lebih strategik untuk kajian berkaitan pengurusan tapak arkeologi dan potensi pelancongan warisan. Pemilihan lokasi ini juga mengambil kira tahap aksesibiliti, penglibatan komuniti setempat serta kepentingannya dari sudut sejarah dan budaya tempatan.



Rajah 1.1: Peta Lokasi Gua-Gua Yang Berpotensi sebagai pembangunan Arkeopelancongan.

(Sumber: <https://www.bing.com/maps?q=gua+ikan&FORM=HDRSC6&cp=5.354772%7E102.019869&lvl=15.6&style=h>, diakses 2024, 10:12 PM)

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian tentang pengurusan tapak arkeologi yang berpotensi untuk pembangunan arkeopelancongan di Daerah Dabong, Kelantan mempunyai pelbagai kepentingan yang merangkumi aspek penyelidikan, pendidikan, masyarakat, ekonomi, dan negara. Melalui kajian ini, peranan setiap aspek dalam menyokong pembangunan arkeopelancongan dapat diperincikan dengan lebih jelas, khususnya dari sudut manfaat kepada masyarakat setempat dan pengalaman yang ditawarkan kepada pengunjung.

1.6..1 Kepentingan Kajian Terhadap Penyelidikan

Dari sudut penyelidikan, kajian ini memberikan sumbangan penting kepada pembangunan ilmu dalam bidang arkeologi dan pengurusan tapak warisan. Pengurusan tapak arkeologi di Daerah Dabong, Kelantan masih kurang dikaji secara menyeluruh, khususnya dari aspek potensinya untuk dimajukan sebagai produk arkeopelancongan. Oleh itu, kajian ini dapat mengisi jurang pengetahuan sedia ada dengan menyediakan data dan analisis berkaitan keadaan fizikal tapak, tahap pemuliharaan, serta potensi pembangunan mampan yang sesuai dengan nilai sejarahnya. Selain itu, kajian ini juga berupaya memperkaya literatur sedia ada dalam bidang arkeologi dan pelancongan warisan, di samping menjadi rujukan kepada penyelidik, dalam merancang strategi yang lebih berkesan untuk pemeliharaan dan pembangunan tapak arkeologi. Dapatan daripada kajian ini juga boleh menjadi asas kepada kajian lanjutan pada masa hadapan berkaitan pelancongan berasaskan warisan di kawasan luar bandar.

1.6.2 Kepentingan Kajian Terhadap Pendidikan

Dari aspek pendidikan, kajian ini memberi sumbangan yang besar dalam memperkukuh pemahaman terhadap nilai dan kepentingan warisan arkeologi dalam kalangan pelajar, pendidik dan masyarakat umum. Melalui dapatan kajian tentang pengurusan tapak arkeologi di Daerah Dabong serta potensinya untuk pembangunan arkeopelancongan, bahan ilmiah dan maklumat yang diperolehi dapat dijadikan sumber rujukan dalam bidang arkeologi, sejarah, pelancongan dan pengurusan warisan. Kajian

ini juga boleh dimanfaatkan sebagai modul pembelajaran atau bahan bantu mengajar dalam institusi pendidikan, sekali gus menggalakkan pemupukan minat terhadap warisan tempatan sejak di peringkat awal pendidikan. Di samping itu, pembangunan tapak sebagai destinasi arkeopelancongan berpotensi menjadi lokasi pembelajaran luar bilik darjah yang interaktif dan bermakna bagi pelajar, khususnya dalam memahami aplikasi ilmu secara praktikal. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja memperkayakan ilmu, malah berperanan penting untuk kesedaran terhadap pemeliharaan warisan budaya dan sejarah dalam kalangan generasi muda.

1.6.3 Kepentingan Kajian Terhadap Masyarakat

Dari perspektif masyarakat, kajian ini mempunyai peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap warisan sejarah serta potensi arkeologi di Daerah Dabong, Kelantan. Dengan adanya kajian tentang pengurusan tapak arkeologi dan pembangunan arkeopelancongan, masyarakat setempat dapat didedahkan kepada nilai-nilai budaya dan sejarah yang terdapat di kawasan mereka, sekali gus menanam rasa tanggungjawab untuk memelihara khazanah warisan tersebut. Selain itu, hasil kajian ini juga boleh membuka peluang kepada penglibatan komuniti dalam aktiviti pelancongan berasaskan warisan seperti menjadi pemandu pelancong tempatan, pengusaha kraftangan, penyedia homestay dan lain-lain bentuk ekonomi komuniti. Ini secara langsung membantu memperkasakan ekonomi setempat serta memperkukuh identiti dan jati diri masyarakat melalui penglibatan aktif dalam usaha pemuliharaan dan pembangunan tapak arkeologi. Oleh itu, kajian ini berpotensi besar memberi impak sosial

yang positif melalui penglibatan masyarakat dalam melestarikan warisan dan membangunkan pelancongan secara inklusif.

1.6.4 Kepentingan Kajian Terhadap Ekonomi

Dari sudut ekonomi, kajian ini berpotensi memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi tempatan melalui penerokaan tapak arkeologi sebagai produk arkeopelancongan di Daerah Dabong, Kelantan. Dengan pengurusan tapak yang sistematik dan mampan, kawasan ini boleh dijadikan destinasi pelancongan berasaskan warisan yang mampu menarik pelancong tempatan dan antarabangsa. Peningkatan jumlah pelancong secara langsung akan merangsang pertumbuhan ekonomi setempat melalui pembukaan peluang pekerjaan dan perniagaan seperti penginapan, makanan dan minuman, pengangkutan, cenderamata, serta aktiviti pelancongan komuniti. Kajian ini juga dapat membantu pihak berkuasa dan penggubal dasar dalam merangka strategi pembangunan ekonomi yang selari dengan pemeliharaan warisan budaya, sekali gus menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara inklusif dan lestari.

1.6.5 Kepentingan Kajian Terhadap Negara

Dari perspektif negara, kajian ini memainkan peranan penting dalam usaha memelihara, mendokumentasi dan memanfaatkan warisan arkeologi sebagai aset negara yang bernilai tinggi. Pengurusan tapak arkeologi secara terancang di Daerah Dabong, Kelantan, serta potensinya untuk dibangunkan sebagai destinasi arkeopelancongan, dapat

menyumbang kepada pengukuhan identiti nasional melalui pemeliharaan sejarah dan budaya tempatan. Selain itu, pembangunan sektor arkeopelancongan dapat membantu menjana pendapatan negara melalui peningkatan kemasukan pelancong dan menyumbang kepada pertumbuhan sektor pelancongan budaya yang menjadi antara fokus dalam Rancangan Malaysia. Kajian ini juga dapat menyediakan panduan kepada agensi kerajaan dalam merangka dasar dan strategi yang holistik berkaitan pengurusan warisan, pemuliharaan tapak bersejarah dan pembangunan pelancongan yang lestari. Secara tidak langsung, ia menyokong matlamat negara untuk memelihara khazanah sejarah sambil merangsang pembangunan ekonomi dan sosial secara seimbang dan berterusan.

1.7 Rumusan

Kesimpulannya, penjelasan daripada bab ini mengenai pengurusan tapak arkeologi dan potensi pembangunan arkeopelancongan di Daerah Dabong, Kelantan membawa pelbagai manfaat yang merangkumi aspek penyelidikan, pendidikan, masyarakat, ekonomi dan negara. Kajian ini bukan sahaja memperkukuh asas ilmu dalam bidang arkeologi dan pengurusan warisan, malah turut menyediakan data serta analisis yang berguna kepada penyelidikan pada masa akan datang sebagai rujukan dan panduan. Selain itu, ia dapat menyumbang kepada peningkatan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan khazanah warisan, di samping memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan komuniti setempat terhadap penjagaan tapak bersejarah.

Selain daripada manfaat ilmiah dan sosial, kajian ini juga memberi impak positif kepada aspek ekonomi melalui peluang pekerjaan, pembangunan perusahaan tempatan dan pertumbuhan sektor pelancongan berasaskan warisan. Di peringkat kebangsaan, dapatan kajian ini dapat digunakan sebagai asas untuk merangka dasar yang menyokong pembangunan pelancongan secara mampan dan inklusif serta memperkuat identiti budaya negara. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja relevan dari sudut akademik, tetapi juga signifikan dalam menyokong agenda pemuliharaan dan pembangunan tapak arkeologi negara secara menyeluruh.

Kesimpulannya, kepentingan kajian ini amat besar dan menyeluruh. Ia bukan sahaja memberi nilai tambah kepada pengetahuan sedia ada, malah menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi dan pemeliharaan warisan budaya negara secara bersepadu. Justeru, kajian ini dilihat sebagai satu inisiatif yang relevan, bernilai dan harus diteruskan serta dikembangkan pada masa akan datang. Justeru, kajian ini perlu diteruskan dan dikembangkan kerana bidang arkeopelancongan masih mempunyai potensi yang luas untuk diteroka, terutamanya di kawasan luar bandar seperti Dabong yang kaya dengan tinggalan sejarah namun kurang mendapat pendedahan dan perhatian.

Pengembangan kajian akan membolehkan lebih banyak tapak arkeologi dikenalpasti, didokumentasikan dan dipelihara secara sistematik sebelum ia hilang ditelan arus pembangunan. Di samping itu, kajian lanjutan dapat membantu memperhalusi strategi pengurusan dan pemuliharaan yang lebih berkesan, selari dengan keperluan semasa serta cabaran masa depan seperti perubahan iklim, pembangunan tidak terancang dan kurangnya kesedaran masyarakat.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan kajian-kajian penyelidikan terdahulu yang menjadi rujukan dan panduan kepada kajian ini. Perbincangan akan merangkumi topik-topik seperti pengenalan kepada pengurusan tapak arkeologi, pembangunan arkeopelancongan di peringkat antarabangsa, pembangunan arkeopelancongan di Malaysia, serta pembangunan arkeopelancongan di negeri Kelantan dan khususnya di daerah Dabong. Melalui sorotan kajian ini, penyelidik dapat mengenal pasti teori, konsep dan dapatan kajian terdahulu yang berkaitan tajuk kajian.

2.2 Pengurusan Tapak Arkeologi

Menurut Glynn Isaac (1971), kajian arkeologi merupakan salah satu disiplin ilmu yang menjelaskan tentang perkembangan hubungan antara manusia serta interaksi manusia dengan dunia material atau kebendaan. Dimana bidang arkeologi merupakan satu ilmu yang mengkaji tentang kewujudan manusia zaman lampau dan persekitarannya berdasarkan kepada tinggalan budaya dan semula jadi. Kajian ini dilaksanakan secara sistematik menggunakan pelbagai metodologi serta melibatkan kerjasama antara bidang-bidang lain seperti sejarah, geologi, geografi, antropologi, matematik, fizik, zoologi, seni bina dan sebagainya. Tinggalan budaya yang dikaji dalam arkeologi tidak hanya terhad kepada objek kebendaan buatan manusia (artifak), tetapi turut merangkumi objek semula

jadi (ekofak) yang telah digunakan oleh manusia zaman lampau dalam kehidupan harian mereka.

Menurut ICOMOS (2022) tapak merujuk kepada hasil karya manusia atau gabungan antara unsur alam semula jadi dan hasil tangan manusia, termasuk tapak arkeologi, yang mempunyai nilai universal luar biasa dari segi sejarah, estetika, etnologi atau antropologi. Sementara itu, menurut Akta Warisan Kebangsaan (2005) tapak ditakrifkan sebagai mana-mana kawasan, zon, warisan semula jadi, monumen atau bangunan yang melekat pada tanah, termasuk rizab arkeologi serta mana-mana kawasan tanah dengan bangunan, taman, pokok atau unsur-unsur lain yang berkaitan dengan warisan.

Pengurusan tapak arkeologi sangat penting kerana ia memainkan peranan utama dalam melindungi dan memelihara tinggalan sejarah serta budaya yang tidak ternilai. Tapak arkeologi menyimpan bukti penting tentang kehidupan manusia masa silam. Tanpa pengurusan yang sistematik, tapak ini berisiko musnah akibat pembangunan, hakisan, vandalisme atau eksploitasi haram seperti pencurian artifak. Melalui pengurusan yang berkesan, nilai warisan ini dapat dipelihara untuk tatapan dan pembelajaran generasi akan datang. Selain itu, pengurusan tapak juga menyokong usaha penyelidikan ilmiah dengan memastikan data arkeologi dikekalkan dalam konteks asalnya. Di samping itu, tapak arkeologi yang diurus dengan baik berpotensi menjadi sumber pelancongan budaya yang mampan, sekali gus menyumbang kepada ekonomi negara dan masyarakat setempat tanpa menjejaskan nilai sejarahnya. Pengurusan yang menyeluruh turut meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya warisan budaya dan menggalakkan penglibatan komuniti dalam usaha pemeliharaan tapak. Oleh itu, pengurusan tapak arkeologi bukan

sahaja penting dari segi pemeliharaan sejarah, malah turut membawa manfaat dari aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sosioekonomi.

2.3 Pembangunan Arkeopelancongan

Arkeopelancongan secara umumnya merujuk kepada aktiviti pelancongan yang berfokus kepada lawatan ke tapak-tapak arkeologi. Arkeopelancongan (*archeo-tourism*) adalah merupakan gabungan dua perkataan iaitu arkeologi dan pelancong. Secara faktanya, arkeopelancongan adalah usaha untuk menarik pelancong mengunjungi tapak arkeologi. Menurut Virto, Lopez dan Madariaga (2011) mencadangkan bahawa ciri tapak arkeologi adalah salah satu aspek yang paling penting yang boleh digunakan untuk menarik perhatian orang ramai. Pada pendapat Chen dan Phou (2013), apabila tapak arkeologi diberi nilai atau makna tertentu, ia boleh menjadi simbol yang kuat untuk membantu membina hubungan yang lebih baik serta membantu membentuk identiti unik sesuatu destinasi secara berperingkat. Manakala, menurut Timothy (2007) beliau berpendapat bahawa, kebanyakan kajian menunjukkan orang ramai mengunjungi tapak warisan untuk tujuan pembelajaran dan peningkatan pendidikan.

Arkeopelancongan bukan sahaja menjadi medium untuk memperkenalkan warisan arkeologi kepada umum, malah berpotensi besar dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi tempatan. Melalui aktiviti ini, pelancong dari dalam dan luar negara dapat memberikan impak ekonomi secara langsung kepada komuniti setempat melalui perbelanjaan mereka terhadap penginapan, makanan, cenderamata dan perkhidmatan pelancongan. Di samping itu, pembangunan arkeopelancongan juga mampu mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan infrastruktur di kawasan

sekitarnya. Dalam konteks pendidikan dan kesedaran warisan, arkeopelancongan berperanan penting dalam memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap sejarah dan tamadun silam, sekali gus memupuk rasa tanggungjawab dalam pemeliharaan tapak-tapak warisan.

Namun begitu, pembangunan arkeopelancongan turut berdepan dengan beberapa cabaran seperti ancaman terhadap kelestarian tapak akibat peningkatan jumlah pelawat, kekurangan dana pemuliharaan dan tapak arkeologi berisiko kehilangan nilai jika terlalu diubah untuk tujuan komersial. Oleh itu, strategi yang mampan perlu dirancang dengan teliti termasuklah pemeliharaan tapak secara profesional, penggunaan teknologi interpretatif moden seperti realiti maya, serta penglibatan komuniti tempatan secara aktif. Pembangunan arkeopelancongan yang dirancang dengan baik bukan sahaja dapat memelihara warisan sejarah, malah menyumbang kepada matlamat pembangunan mampan seperti pendidikan berkualiti, pertumbuhan ekonomi dan pembentukan komuniti yang berdaya tahan.

2.3.1 Pembangunan Arkeopelancongan Antarabangsa

Di peringkat antarabangsa, pembangunan arkeopelancongan telah berkembang pesat dan menjadi salah satu tarikan utama dalam industri pelancongan budaya. Banyak negara mengambil inisiatif untuk membangunkan tapak-tapak arkeologi mereka sebagai destinasi pelancongan yang berinformasi dan berdaya tarikan. Usaha ini bukan sahaja membantu memelihara warisan sejarah, malah menyumbang kepada ekonomi negara melalui kunjungan pelancong dari seluruh dunia. Antara tapak arkeopelancongan bertaraf dunia seperti Machu Picchu di Peru, Angkor Wat di Kemboja dan Pompeii di Itali

merupakan antara destinasi arkeopelancongan yang mendapat sambutan tinggi. Lokasi-lokasi ini bukan sahaja memikat pelancong dengan nilai sejarah dan keindahan seni bina, malah menunjukkan bagaimana tamadun silam membentuk identiti budaya dan sosial masyarakat setempat. Tapak-tapak ini turut berperanan penting dalam penyelidikan arkeologi global serta menjadi bukti ketamadunan manusia yang tinggi pada zaman lampau. Keunikan struktur, tinggalan artifak serta kisah sejarah di sebaliknya menjadikan destinasi ini bukan sahaja tumpuan pelancongan, tetapi juga sebagai sumber pembelajaran dan penghargaan terhadap warisan dunia.

Angkor Wat yang terletak di Kemboja merupakan kompleks bangunan keagamaan terbesar di dunia. Hari ini, Angkor Wat dianggap sebagai tapak arkeologi terbesar dan paling banyak dikunjungi di dunia. Selain itu, Taman Angkor telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada tahun 1992, menandakan kepentingannya dari segi sejarah, budaya, keagamaan dan seni bina. Menurut Kim Jinah (2010) evolusi keagamaan ini jelas dapat dilihat melalui ukiran dan arca yang terdapat monumen-monumen di Angkor. Ukiran ini bukan sahaja menggambarkan pertemuan rohani antara pelbagai kepercayaan, malah turut mencerminkan pengaruh budaya asing yang menyumbang kepada perkembangan agama dan identiti Empayar Khmer.

Keupayaan Empayar Khmer menggabungkan elemen Hindu dan Buddha dalam satu kompleks keagamaan turut memperlihatkan sifat toleransi dan keterbukaan terhadap perubahan kepercayaan sepanjang peredaran masa. Menurut Muhammad Yasir (2014) toleransi merupakan sikap yang membolehkan seseorang bertahan dalam menghadapi cabaran serta menahan diri daripada menghakimi agama, kepercayaan atau amalan ibadah yang dianuti oleh orang lain. Kepentingan Angkor Wat bukan hanya terletak pada aspek

keagamaan, tetapi juga sebagai simbol keagungan politik dan kebudayaan Empayar Khmer yang meninggalkan kesan mendalam dalam sejarah Asia Tenggara.

Dari segi pengurusan tapak arkeologi Angkor Wat menghadapi beberapa kelemahan yang ketara akibat tekanan pelancongan yang tinggi. Jumlah pelancong yang mencecah jutaan setiap tahun telah menyebabkan hakisan fizikal struktur, kerosakan pada laluan asal serta kesesakan teruk di kawasan jalan utama. Selain itu, terdapat ketidakseimbangan antara usaha pemuliharaan dan aktiviti perniagaan apabila kedai-kedai dibina terlalu hampir dengan tapak warisan, yang boleh menjejaskan nilai sejarah dan keaslian kawasan tersebut.

Bagi mengatasi isu ini, pengkaji telah mencadangkan kawalan terhadap jumlah pelawat perlu dilaksanakan secara sistematik bagi memastikan kelestarian jangka panjang tapak tersebut dengan mengawal kemasukan harian melalui sistem jualan tiket secara dalam talian. Langkah ini bukan sahaja membolehkan pihak pengurusan mengawal jumlah pengunjung setiap hari, malah memudahkan pemantauan aliran pelawat serta mengelakkan kesesakan yang boleh merosakkan struktur fizikal dan mengganggu pengalaman pelawat. Selain itu, sistem ini juga dapat membantu dalam merancang lawatan secara lebih berjadual dan teratur.

Di samping itu, program kesedaran awam mengenai kepentingan pemeliharaan tapak warisan seperti Angkor Wat harus diperluaskan agar pelawat dan masyarakat setempat dapat sama-sama bertanggungjawab dalam usaha menjaga dan memelihara warisan dunia ini. Program ini boleh dilaksanakan melalui bengkel, papan informasi interaktif, dan kempen media sosial yang memfokuskan kepada nilai sejarah dan

kepentingan konservasi. Penglibatan aktif komuniti tempatan juga perlu digalakkan supaya mereka menjadi pelindung warisan budaya, bukan sekadar penerima manfaat ekonomi. Tambahan pula, pihak berkuasa harus memainkan peranan dalam memperketat penguatkuasaan undang-undang berkaitan pemuliharaan bagi memastikan usaha pendidikan dan kesedaran ini benar-benar berkesan dalam jangka panjang.



Rajah 2.1: Angkor Wat, Kemboja

(Sumber: https://en.wikipedia.org/wiki/Angkor_Wat#/media/File:20171126_Angkor_Wat_4712_DxO.jpg, diakses 2025, 7.00 PM)

2.3.2 Pembangunan Arkeopelancongan Di Malaysia

Di Malaysia, arkeopelancongan mula berkembang dengan adanya usaha untuk mengetengahkan tapak-tapak arkeologi sebagai destinasi pelancongan berasaskan pendidikan dan budaya. Pembangunan arkeopelancongan yang dirancang secara mampan bukan sahaja menyumbang kepada ekonomi setempat, tetapi juga memelihara warisan budaya negara untuk generasi akan datang. Tapak ini bukan sahaja menjadi tumpuan penyelidik dan pelajar, malah turut menarik minat pelancong tempatan dan antarabangsa yang ingin mengetahui sejarah awal negara. Salah satu tapak yang paling terkenal ialah

Lembah Bujang di Kedah, yang merupakan tapak tamadun awal yang menampilkan runtuhannya candi, artifak, dan bukti hubungan perdagangan antarabangsa sejak abad ke-3 Masihi. Selain itu, Tapak Arkeologi Lenggong di Perak juga diiktiraf oleh UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia, di mana penemuan rangka manusia purba dan alat batu menunjukkan kehidupan awal manusia di rantau ini.

Kedah, khususnya Lembah Bujang, sering dijadikan rujukan utama dalam membincangkan arkeopelancongan di Malaysia, kerana kawasan ini merupakan antara tapak arkeologi tertua dan terpenting di Asia Tenggara. Menurut Mokhtar Saidin (2019), penyelidikan arkeologi menunjukkan bahawa Malaysia memiliki pelbagai bukti berkaitan zaman prasejarah dan tamadun awal. Penemuan terkini mengesahkan bahawa kawasan ini telah didiami manusia seawal 1.83 juta tahun lalu, menandakan permulaan kewujudan zaman prasejarah di negara ini. Menurut Chia (2011) tapak-tapak yang ditemui telah digunakan oleh masyarakat prasejarah sebagai tempat tinggal, khemah sementara, pengkebumian atau bengkel pembuatan alat batu. Merujuk kepada Leong (2000) antara penemuan penting di tapak warisan Lembah Bujang ini termasuklah struktur binaan candi, patung-patung keagamaan, barangan kaca, manik, artifak logam dan emas, serta pelbagai barangan tembikar yang dihasilkan secara tempatan atau diimport melalui aktiviti perdagangan. Dalam pada masa yang sama pembangunan arkeopelancongan di tapak Lembah Bujang juga memberi peluang kepada komuniti tempatan untuk terlibat dalam aktiviti pelancongan berasaskan warisan, seperti lawatan berpandu, pembuatan kraftangan, dan pameran sejarah.

Antara kelemahan utama yang dikenal pasti di Tapak Arkeologi Lembah Bujang ialah kurangnya pemeliharaan dan penyelenggaraan berterusan terhadap struktur

tinggalan sejarah. Candi dan runtuhannya artifak yang terdapat di tapak ini semakin terjejas akibat pendedahan kepada faktor cuaca seperti hujan, hakisan, serta kerosakan akibat aktiviti manusia tanpa pemantauan rapi. Ketiadaan usaha konservasi secara berkala telah mempercepatkan proses kemerosotan struktur bersejarah ini. Selain itu, tahap kesedaran awam terhadap kepentingan dan nilai sejarah Lembah Bujang masih rendah. Ramai dalam kalangan masyarakat tempatan dan pelawat tidak menyedari bahawa tapak ini merupakan salah satu pusat tamadun awal yang penting di Asia Tenggara. Kekurangan pengetahuan ini menyumbang kepada sikap sambil lewa terhadap pemuliharaan dan mengurangkan penghargaan terhadap warisan budaya negara.

Bagi mengatasi kelemahan yang dikenal pasti pengkaji telah mencadangkan, pelaksanaan pelan pemuliharaan jangka panjang perlu diberi keutamaan. Tapak-tapak arkeologi penting di Lembah Bujang harus dibaik pulih dan diselenggara secara berkala dengan penglibatan pakar arkeologi dan konservator bagi memastikan pemeliharaan dilakukan mengikut standard profesional. Di samping itu, penambahbaikan kemudahan untuk pelawat juga perlu dilaksanakan. Pembinaan laluan yang lebih teratur, penyediaan papan maklumat interaktif, serta kemudahan asas seperti tempat rehat dan tandas akan memberikan pengalaman yang lebih selesa kepada pengunjung. Tambahan pula, penggunaan teknologi seperti aplikasi panduan pelawat, kod QR dan peta digital boleh membantu memperkaya maklumat yang disampaikan serta menarik minat pelancong muda yang lebih celik teknologi. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh aspek pemeliharaan, malah mampu meningkatkan daya tarikan Lembah Bujang sebagai destinasi arkeopelancongan yang berinformasi dan moden.



Rajah 2.2: Lembah Bujang, Kedah

(Sumber:https://ms.wikipedia.org/wiki/Lembah_Bujang#/media/Fail:Bujang_all_ey.jpg, diakses 2025, 7.00 PM)

Dalam pada masa yang sama, pembangunan arkeopelancongan di Lembah Lenggong semakin mendapat perhatian kerana kawasan ini menyimpan tinggalan penting seperti rangka manusia tertua di Asia Tenggara, iaitu Perak Man, bengkel alat batu serta pelbagai artifak prasejarah yang bernilai tinggi. Menurut Zuraina (1997), hasil kerja ekskavasi di tapak Bukit Bunuh membuktikan bahawa kawasan tersebut merupakan tapak bengkel pembuatan alat batu. Beliau turut mengenal pasti beberapa jenis alat batu yang ditemui di situ, antaranya batu pelandas, batu teras, batu pemukul dan alat pebel (Zuraina, 1989). Manakala menurut Mokhtar Saidin (2011), kajian arkeologi membolehkan kita memahami cara hidup manusia pada zaman Paleolitik, seperti yang ditemui di Bukit Bunuh, Lenggong, Perak. Banyak peralatan yang digunakan dalam kehidupan harian kita hari ini sebenarnya berasal daripada asas teknologi zaman tersebut. Pembangunan arkeopelancongan di Lembah Lenggong bukan sahaja memberi manfaat ekonomi dan meningkatkan taraf hidup komuniti tempatan, malah turut membawa pelbagai manfaat lain yang signifikan. Antaranya ialah membantu dalam usaha pemeliharaan dan

pemuliharaan warisan budaya negara dengan melindungi tapak-tapak bersejarah daripada kemusnahan akibat pembangunan tidak terkawal.

Pembangunan arkeopelancongan di Malaysia, khususnya di tapak-tapak penting seperti Lembah Bujang dan Lembah Lenggong, memainkan peranan besar dalam memperkukuh identiti sejarah negara, memelihara warisan budaya serta merangsang pertumbuhan ekonomi setempat. Melalui pelbagai usaha penyelidikan, pemuliharaan dan penglibatan komuniti, tapak-tapak ini bukan sahaja menjadi khazanah ilmu dan sejarah, malah berpotensi besar sebagai destinasi pelancongan berasaskan pendidikan dan budaya yang berdaya saing di peringkat antarabangsa. Justeru, perancangan yang mampan dan sokongan berterusan daripada pelbagai pihak amat diperlukan bagi memastikan warisan ini terus dilindungi dan dimanfaatkan untuk generasi masa depan.

Salah satu kelemahan ketara di Tapak Arkeologi Lembah Bujang ialah kekurangan akses dan kemudahan asas untuk pelawat. Ketiadaan papan tanda, laluan rasmi serta kemudahan seperti tandas dan tempat meletak kereta menyukarkan lawatan serta mengurangkan nilai pelancongan tapak tersebut. Selain itu, tapak ini juga berdepan isu ketiadaan kawalan fizikal yang mencukupi, di mana kawasan tidak berpagar dan terbuka kepada pencerobohan, penggalian haram serta aktiviti vandalisme yang boleh merosakkan tinggalan bersejarah.

Bagi mengatasi masalah ini, pembangunan infrastruktur tapak perlu dilaksanakan secara menyeluruh, termasuk membina laluan lawatan yang jelas bertanda, mewujudkan papan maklumat bergambar dan menyediakan tempat rehat serta tempat letak kereta bagi pelawat. Di samping itu, langkah penguatkuasaan dan kawalan tapak juga harus diberi

perhatian, antaranya dengan memasang pagar keselamatan serta papan larangan di kawasan sensitif, menjalankan rondaan berkala dan menggunakan teknologi pemantauan seperti kamera atau sensor bagi mengesan sebarang gangguan pada peringkat awal. Pendekatan ini mampu melindungi tapak arkeologi daripada kerosakan serta mewujudkan persekitaran lawatan yang lebih tersusun dan selamat.



Rajah 2.3: Bukit Bunuh, Perak

(Sumber: <https://lenggonggeopark.com/packages/tapak-geoarkeologi-bukit-bunuh/> , diakses 2025, 7.00 PM)

2.3.3 Pembangunan Arkeopelancongan Di Kelantan

Kelantan mempunyai potensi besar dalam pembangunan arkeopelancongan kerana kaya dengan tinggalan sejarah dan warisan budayanya, khususnya melalui penemuan tapak-tapak arkeologi yang bernilai tinggi seperti Gua Cha dan Gua Chawan. Tapak-tapak ini bukan sahaja membuktikan kewujudan tamadun awal di negeri tersebut, malah mampu menarik minat pengkaji sejarah serta pelancong tempatan dan antarabangsa. Dengan pembangunan yang terancang dan pemeliharaan yang rapi, sektor

arkeopelancongan ini berpotensi menjadi pemangkin ekonomi setempat, selain memupuk kesedaran masyarakat terhadap kepentingan memelihara warisan sejarah. Oleh itu, kerjasama antara kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, penyelidik dan komuniti setempat amat penting bagi memastikan tapak-tapak arkeologi ini dimanfaatkan secara lestari.

Pada tahun 1994, Adi Taha turut melaksanakan kajian ekskavasi di Gua Chawan bagi tujuan penyelidikan arkeologi. Menurut Zulkifli (2003) hasil ekskavasi mendedahkan pelbagai artifak seperti alat batu dari zaman Hoabinhian dan Neolitik seperti sisa makanan, tulang haiwan, phytolith (zarah silika kecil yang terbentuk dalam tisu tumbuhan seperti daun dan batang, dan digunakan sebagai petunjuk kewujudan tumbuhan purba dalam kajian arkeologi), siput air tawar, alat batu daripada batu pebel sungai serta tembikar bercorak anyaman tali.

Kedudukan Gua Chawan yang strategik menunjukkan bahawa gua ini berpotensi tinggi untuk dikaji secara lebih mendalam. Hal ini dikatakan demikian kerana kebudayaan Hoabinhian dapat dikenali melalui penemuan artifak seperti "sumatralith" dan batu sungai (Adi Taha, 1985). Pada pandangan Tweedie (1953) Masyarakat Hoabinhian cenderung memilih gua di kawasan tinggi dengan pencahayaan semula jadi yang baik sebagai tempat kediaman. Keunikan lokasi dan nilai sejarah Gua Chawan ini menjadikan tapak tersebut sebagai aset penting dalam pembangunan arkeopelancongan, khususnya bagi menarik pelancong yang berminat terhadap zaman prasejarah dan warisan arkeologi negara.

Terdapat pelbagai kajian telah dijalankan di kawasan Hulu Kelantan, khususnya di Gua Cha yang merupakan tapak arkeologi paling signifikan di rantau tersebut.

Penyelidikan awal telah dimulakan oleh Noone pada tahun 1935, diikuti oleh Sieveking pada tahun 1954 dan Adi Taha pada tahun 1985. Gua Cha dikenal pasti berperanan sebagai lokasi pengebumian masyarakat Hoabinhian dan Neolitik yang mendiami kawasan ini sejak kira-kira 12,000 hingga 13,000 tahun lalu. Walaupun tapak ini tidak musnah sepenuhnya akibat ditenggelami air, keadaan tersebut menyukarkan usaha kajian lanjutan terhadap data arkeologi yang berharga. Hal ini seterusnya menjejaskan potensi tapak tersebut untuk dijadikan rujukan dan memberikan gambaran yang lebih jelas kepada penyelidik pada masa hadapan. Menurut Zuliskandar Ramli (2013), beberapa gua yang mempunyai potensi arkeologi yang tinggi seperti Gua Cha, Gua Chawan, Gua Peraling, Gua Kecil (Batu Tambah), Gua Lubang Kelawar (Batu Tambah), Gua Perdang dan Gua Keledung berisiko untuk ditenggelami oleh air takungan empangan, sekali gus mengancam warisan prasejarah yang tidak ternilai.

Gua Cha yang terletak di Lembangan Sungai Nenggiri, telah diiktiraf sebagai tapak warisan penting dan didaftarkan dalam Daftar Warisan Negara pada 16 Jun 2016 dengan nombor pendaftaran GUA CHA P.U. (B)292. Kajian ini dilaksanakan berasaskan panduan yang ditetapkan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Dengan pendaftaran ini, Gua Cha dilindungi mengikut peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 bagi mengelakkan sebarang pembangunan yang berpotensi menjejaskan kawasan tersebut.

Tapak Arkeologi Gua Cha berdepan dengan beberapa kelemahan yang menjejaskan potensinya sebagai destinasi arkeopelancongan. Antaranya ialah kurangnya infrastruktur asas, termasuk ketiadaan kemudahan pelawat seperti laluan berturap, papan maklumat, tandas awam dan pusat informasi yang boleh membantu pelawat memahami

nilai sejarah tapak ini. Tambahan pula, walaupun Gua Cha memiliki kepentingan arkeologi yang tinggi sebagai lokasi penempatan dan pengebumian masyarakat Hoabinhian dan Neolitik ia masih belum dimajukan sepenuhnya untuk tujuan pendidikan atau pelancongan.

Bagi menangani isu bakal tenggelamnya Gua Cha dan gua-gua lain yang mempunyai potensi arkeologi yang tinggi, pengkaji telah mencadangkan pembinaan Galeri Arkeologi Gua Cha sebagai pusat informasi, pameran dan pendidikan yang dapat memberikan penerangan menyeluruh kepada pengunjung tentang sejarah dan warisan tapak tersebut. Galeri ini juga boleh menjadi platform interaktif untuk mempamerkan artifak, hasil kajian arkeologi serta menceritakan kehidupan masyarakat prasejarah secara visual dan multimedia, sekaligus meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan pemeliharaan tapak warisan ini. Selain itu, galeri tersebut berpotensi untuk merangsang aktiviti pelancongan berasaskan pendidikan dan budaya di kawasan sekitar.



Rajah 2.4: Gua Cha, Kelantan

(Sumber: <https://www.bharian.com.my/hujung>

minggu/santai/2020/11/756862/gua-cha-catat-sejarah-unggul, diakses 2025, 12.54 AM)

Kelantan mempunyai potensi besar dalam pembangunan arkeopelancongan berasaskan kekayaan warisan arkeologi yang terdapat di tapak-tapak penting seperti Gua Chawas dan Gua Cha. Penemuan artifak bersejarah di lokasi-lokasi ini bukan sahaja membuktikan kewujudan tamadun awal di rantau ini, malah menawarkan nilai tambah dalam konteks penyelidikan akademik dan tarikan pelancongan. Dengan pelaksanaan strategi pemuliharaan yang bersepadu serta Kerjasama yang erat antara pihak kerajaan, penyelidik, agensi berkaitan dan komuniti setempat, sektor arkeopelancongan berpotensi untuk dimajukan secara lestari. Inisiatif ini juga dapat merangsang pembangunan ekonomi setempat di samping memperkukuh usaha pemeliharaan warisan budaya negara.

Pengurusan tapak arkeologi secara profesional dan bersepadu menjadi asas kepada kejayaan pembangunan arkeopelancongan di Kelantan. Kajian terhadap potensi ini bukan sahaja penting dari segi pelestarian warisan, malah mampu merangsang pembangunan ekonomi setempat, memperkukuh identiti budaya dan meletakkan Kelantan sebagai salah satu destinasi utama pelancongan berasaskan sejarah dan arkeologi di Malaysia.

2.4 Rumusan

Secara keseluruhan, pengurusan tapak arkeologi memainkan peranan penting dalam memastikan kelestarian warisan sejarah dan budaya sesebuah kawasan. Di peringkat antarabangsa, pengurusan tapak arkeologi seperti di Angkor Wat (Kemboja) dan Machu Picchu (Peru) menunjukkan kepentingan pendekatan bersepadu yang melibatkan pemeliharaan fizikal, kawalan pelancongan dan penglibatan komuniti. Di Malaysia, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan melalui Jabatan Warisan Negara dan

Jabatan Muzium Malaysia, namun masih terdapat cabaran dari segi penyelenggaraan, kesedaran awam dan pembangunan lestari, terutamanya di kawasan pedalaman.

Di negeri Kelantan, khususnya kawasan Dabong yang kaya dengan tinggalan prasejarah seperti Gua Keris, Gua Pagar, Gua Kurap, Gua Kapit dan Gua Ikan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengurusan tapak arkeologi masih berada pada tahap minimum dan belum dimanfaatkan secara strategik sebagai produk arkeopelancongan. Ketiadaan infrastruktur pelancongan yang lengkap, pusat interpretasi serta promosi bersepadu menjadikan tapak ini kurang dikenali, walaupun memiliki nilai sejarah yang tinggi. Oleh itu, pendekatan pengurusan yang lebih menyeluruh perlu dilaksanakan melalui pembangunan infrastruktur, penubuhan galeri arkeologi serta kerjasama antara pihak berkuasa, pengkaji dan komuniti setempat. Langkah ini bukan sahaja mampu melestarikan tapak warisan, malah berpotensi menjadikan Dabong sebagai destinasi arkeopelancongan utama yang berteraskan pendidikan, pemuliharaan dan penglibatan komuniti.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini pengkaji akan menerangkan kaedah kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian mengenai potensi pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan. Secara umumnya, metodologi adalah salah satu kaedah dimana pengkaji perlu mengumpul dan menganalisis maklumat yang diperolehi untuk menyempurnakan kajian ini. Penggunaan metodologi yang tepat dapat memastikan proses penyelidikan berjalan lancar serta menghasilkan dapatan yang berkesan dan sistematik. Oleh itu, metodologi kajian ini bertujuan untuk membantu pengkaji mendalami pemahaman tentang kaedah serta menjelaskan proses kajian yang dijalankan.


3.2 Reka Bentuk Kajian

Secara umumnya, kajian penyelidikan boleh ditakrifkan sebagai suatu proses pengumpulan data, maklumat dan fakta bagi tujuan meningkatkan pengetahuan (Shuttleworth, 2008). Selain itu, penyelidikan merujuk kepada satu proses sistematik yang melibatkan beberapa langkah untuk mengumpul dan menganalisis maklumat, dengan tujuan meningkatkan pemahaman serta mengenal pasti permasalahan berkaitan sesuatu topik atau isu (Creswell, 2002). Sehubungan itu, reka bentuk kajian berperanan penting dalam menentukan hala tuju dan strategi pelaksanaan penyelidikan. Pemilihan reka bentuk kajian yang sesuai membolehkan pengkaji memperoleh data yang relevan, menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif penyelidikan dengan lebih berkesan.

Reka bentuk pengkaji adalah jenis kualitatif. Menurut Biggerstaff (2012) kajian kualitatif ini merupakan satu kajian yang berkait dengan pernyataan dan persoalan bukannya hipotesis dan biasanya kajian ini menggunakan persoalan seperti bagaimana, mengapa dan apa dalam kajian penyelidikan. Fokus utama kajian adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi potensi pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan tapak arkeologi di daerah Dabong, Kelantan.

Dalam masa yang sama, pengkaji turut menggunakan kaedah kuantitatif dengan menghasilkan borang soal selidik bagi menjawab persoalan kajian. Soal selidik ini akan dijalankan secara dalam talian melalui Google Form dan disasarkan kepada pengusaha, pengunjung serta masyarakat sekitar daerah Dabong sebagai responden. Setelah data dikumpulkan, pengkaji akan menganalisis maklumat tersebut dan menterjemahkannya dalam bentuk carta bar bagi memudahkan proses pemahaman dan interpretasi data.

Kedua-dua pendekatan yang digunakan bertujuan untuk mengenal pasti cara serta prosedur dalam menentukan potensi tapak arkeologi di daerah Dabong sebagai destinasi arkeopelancongan yang mampan. Oleh itu, pendekatan penyelidikan yang diaplikasikan oleh pengkaji bukan sahaja dapat menambah maklumat baharu, malah turut memperkukuh data sedia ada. Pendekatan ini secara tidak langsung memberikan gambaran yang lebih komprehensif terhadap nilai warisan dan potensi pembangunan pelancongan berasaskan arkeologi di kawasan tersebut.



Jadual 3.1: Reka Bentuk Kajian

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah	Intrumen Kajian
Kualitatif	Temu bual dan Pemerhatian
Kuantitatif	Borang Soal Selidik

Jadual 3.2: Kaedah Kajian

Dalam penyelidikan berkaitan pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, pendekatan kajian yang sesuai adalah pendekatan kaedah gabungan (*Mix Method*) iaitu menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi memperoleh data yang lebih menyeluruh. Kaedah kualitatif melibatkan temu bual dengan pihak berkepentingan seperti agensi pelancong (*tour guide*), pegawai Majlis Daerah Dabong, pengusaha serta pensyarah yang pakar dalam pengurusan dan pemeliharaan tapak arkeologi di kawasan tersebut. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan mendalam berkaitan cabaran, potensi dan strategi pembangunan arkeopelancongan dari perspektif profesional dan pelaksana lapangan.

Tambahan pula, pemerhatian lapangan juga boleh dilakukan bagi menilai keadaan fizikal tapak arkeologi, mengenal pasti kemudahan sedia ada serta meneliti interaksi antara pelawat dan persekitaran warisan. Pemerhatian ini membolehkan pengkaji mendapatkan gambaran sebenar tentang suasana, potensi dan cabaran kawasan tersebut sebagai destinasi arkeopelancongan. Dengan menggabungkan kaedah temu bual dan pemerhatian, dapatan kajian menjadi lebih menyeluruh dan komprehensif, sekali gus membantu dalam merangka strategi pembangunan yang mampan dan stabil.

Kaedah kuantitatif melibatkan penggunaan borang soal selidik yang akan diedarkan kepada pengusaha, pengunjung dan masyarakat setempat. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengumpul data yang relevan berkaitan persepsi responden terhadap tahap kepuasan kemudahan sedia ada, keperluan serta pandangan mereka mengenai strategi pengurusan. Soal selidik ini turut menilai aspek seperti pengalaman lawatan, tahap kepuasan serta cadangan penambahbaikan dan pelestarian tapak arkeologi yang berpotensi memberi manfaat kepada pelancong dan komuniti setempat.

Bukan itu sahaja, data borang soal selidik dapat dianalisis melalui statistik bagi mengenal pasti pola, hubungan serta membuat perbandingan yang dapat memberikan gambaran yang lebih tepat dan menyeluruh terhadap strategi pengurusan pembangunan arkeopelancongan di Dabong. Oleh itu, pendekatan kuantitatif ini bukan sahaja membantu memperoleh maklumat secara sistematik, Malah, ia turut menyokong proses membuat keputusan berasaskan data dengan menyediakan bukti kukuh yang menjadi asas dalam perancangan, penilaian dan penambahbaikan strategi pengurusan, sekali gus memastikan pembangunan arkeopelancongan di Dabong dilaksanakan secara berkesan dan lestari.

3.3.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif akan digunakan untuk menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Persoalan pertama merangkumi faktor-faktor yang mempengaruhi potensi pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan. Persoalan kedua pula meneliti cabaran yang dihadapi dalam pengurusan tapak arkeologi di kawasan tersebut. Sementara itu, persoalan ketiga mengkaji strategi pengurusan yang boleh diterapkan bagi memastikan

pembangunan arkeopelancongan di Dabong memberi manfaat kepada pelancong dan komuniti setempat. Bagi mengumpulkan data, metod yang digunakan adalah kaedah temu bual dan pemerhatian lapangan. Kajian ini akan melibatkan responden daripada kalangan pengusaha pelancongan, Majlis Daerah Dabong, pengusaha serta pensyarah yang pakar dalam pengurusan dan pemeliharaan tapak arkeologi di kawasan tersebut. Kaedah ini membolehkan pengkaji memperoleh data yang mendalam, kontekstual dan bersifat deskriptif daripada perspektif mereka yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan berkaitan.

Temu bual yang mendalam akan dijalankan untuk mendapatkan maklumat tentang faktor-faktor yang mempengaruhi potensi pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan, cabaran yang dihadapi dalam pengurusan tapak arkeologi di Dabong, Kelantan serta strategi pengurusan yang boleh diterapkan untuk memastikan pembangunan arkeopelancongan di Dabong, Kelantan dapat memberi manfaat kepada pelancong serta komuniti setempat, termasuk aspek pendidikan, penyelidikan, peranan komuniti setempat, infrastruktur, promosi serta kepentingan pengurusan tapak arkeologi di kawasan Dabong. Dalam pada masa yang sama, pemerhatian turut dijalankan bagi menilai keadaan fizikal tapak arkeologi, kemudahan yang disediakan serta tahap penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti pelancongan dan pemuliharaan warisan.

Dalam kajian ini, kaedah rujukan melalui internet dan buku digunakan untuk mendapatkan maklumat dari pelbagai sumber yang relevan, termasuk jurnal, laporan penyelidikan, artikel berkaitan arkeopelancongan serta dokumen rasmi yang dapat menyokong analisis dan pemahaman yang lebih mendalam bagi mengukuhkan maklumat tentang pembangunan arkeopelancongan di kawasan Dabong.

Akhir sekali, kajian literatur juga dijalankan bagi menyokong dapatan kajian dengan merujuk kepada teori, konsep serta penemuan terdahulu yang berkaitan dengan pembangunan arkeopelancongan. Kajian ini membantu memberikan kerangka pemahaman yang lebih kukuh serta mengukuhkan justifikasi terhadap analisis potensi pembangunan arkeopelancongan yang dilakukan di kawasan Dabong, Kelantan.

3.3.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif juga digunakan bagi menjawab persoalan ketiga kajian ini iaitu strategi yang boleh diterapkan untuk memastikan pembangunan arkeopelancongan di Dabong dapat memberi manfaat kepada pelancong serta komuniti setempat. Kaedah ini melibatkan pengumpulan data melalui edaran borang soal selidik secara atas talian kepada responden yang terlibat bagi mendapatkan pandangan secara menyeluruh mengenai keperluan, harapan serta tahap sokongan terhadap pembangunan arkeopelancongan di kawasan tersebut.

Instrumen soal selidik ini ditujukan kepada agensi pelancong, Majlis Daerah Dabong, pengusaha, pelawat serta masyarakat setempat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti arkeopelancongan. Borang soal selidik yang dihasilkan akan mengandungi 3 bahagian iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C borang ini menggunakan Skala Likert 5 aras iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, neutral, setuju dan sangat setuju. Data yang dikumpulkan akan dianalisis dan dihasilkan dalam bentuk carta bar atau jadual. Sasaran responden bagi menjawab borang soal selidik ini terdiri kepada pengusaha, pengunjung dan masyarakat setempat di sekitar Dabong, Kelantan.

3.4 Pensampelan Penyelidikan

Pensampelan berkelompok digunakan dalam kajian ini bagi memudahkan pemilihan responden yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan. Populasi kajian telah dibahagikan kepada beberapa kluster berdasarkan lokasi atau kawasan tumpuan pelancongan seperti Gua Ikan, Gua Keris, Stesen Keretapi Dabong dan kawasan sekitar. Kluster-kluster ini dipilih kerana mewakili kawasan yang mempunyai tapak arkeologi dan aktiviti pelancongan aktif. Beberapa kluster telah dipilih secara rawak dan responden daripada kalangan pemandu pelancong, pengunjung serta komuniti setempat dalam kluster tersebut dijadikan sampel kajian.

Pengkaji telah memilih tiga responden ini kerana mereka dapat menjawab soalan-soalan kajian berdasarkan pengalaman, pengetahuan dan penglibatan langsung dalam aktiviti berkaitan arkeopelancongan di daerah Dabong. Pemandu pelancong mempunyai maklumat tentang corak kunjungan dan keperluan pelawat. Manakala komuniti setempat berperanan sebagai penerima manfaat dan penyumbang kepada pembangunan pelancongan. Justeru, ketiga-tiga kumpulan ini mampu memberikan pandangan yang menyeluruh berhubung faktor yang mempengaruhi potensi pembangunan, cabaran pengurusan serta cadangan strategi yang bersesuaian. Kaedah ini memudahkan pengumpulan data, menjimatkan masa dan kos serta membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang relevan berhubung pengurusan tapak, cabaran yang dihadapi serta potensi pembangunan arkeopelancongan di kawasan tersebut.

3.5 Pengumpulan Data

Bagi pengumpulan data hasil daripada temu bual, pemerhatian dan edaran borang soal selidik, pengkaji telah mengadakan perbincangan bersama penyelia, iaitu Noridayu Binti Bakry. Dalam penyelidikan ini, kami telah bersetuju untuk menjalankan kajian lapangan di kawasan yang terlibat bagi memperoleh data dan maklumat berkaitan potensi pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan. Temu bual akan melibatkan pemandu pelancong (*tour guide*) yang berpengalaman dalam selok-belok kawasan pelancongan di Dabong, khususnya yang berkaitan dengan tapak-tapak arkeologi. Pengalaman dan pengetahuan mereka dapat memberikan maklumat yang mendalam mengenai potensi, cabaran serta strategi penambahbaikan dalam pembangunan arkeopelancongan di kawasan tersebut.

Justeru, temu bual ini juga akan melibatkan agensi pelancongan, pengusaha, pensyarah yang pakar dalam bidang pengurusan tapak arkelogi dan Majlis Daerah Dabong kerana mereka memainkan peranan penting dalam aspek perancangan, pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur serta dasar pelancongan tempatan. Penglibatan mereka dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam berkaitan polisi pengurusan tapak, peranan pihak berkuasa tempatan dalam menyokong pembangunan arkeopelancongan serta cabaran yang dihadapi dari sudut pentadbiran dan perundangan. Hal ini penting bagi memastikan dapatan kajian bersifat menyeluruh dan merangkumi pelbagai sudut pandangan pihak berkepentingan. Oleh itu, penglibatan kakitangan Majlis Daerah Dabong, Jabatan Warisan Negara, agensi pelancongan dan pensyarah dalam temu bual ini amat bermakna bagi melengkapi dapatan kajian dengan maklumat yang menyeluruh. Ia membolehkan pengkaji memahami secara lebih mendalam peranan

institusi tempatan dalam merancang dan mengurus pembangunan arkeopelancongan.

Seterusnya, kaedah edaran borang soal selidik secara digital akan digunakan bagi mendapatkan maklum balas daripada 200 orang responden yang terdiri daripada pengusaha, pengunjung dan masyarakat setempat di sekitar Dabong yang berumur antara 18 hingga 55 tahun. Hal ini dikatakan demikian kerana borang soal selidik ini bertujuan untuk menilai persepsi, tahap sokongan serta harapan mereka terhadap pembangunan arkeopelancongan di kawasan tersebut.

3.6 Analisis Data

Dalam kajian ini, analisis data dijalankan menggunakan dua kaedah iaitu analisis tematik dan analisis deskriptif.

3.6.1 Analisi Tematik

Analisis tematik merupakan satu kaedah dalam penyelidikan kualitatif yang digunakan untuk mengenal pasti, menganalisis dan mentafsir corak daripada data yang dikumpulkan, hasil daripada temu bual dan pemerhatian. Kaedah ini membantu pengkaji memahami makna yang terkandung dalam data secara mendalam dengan mengenal pasti tema-tema utama yang berulang dan signifikan. Dalam konteks kajian arkeopelancongan, analisis tematik membolehkan pengkaji mengkategorikan maklumat berdasarkan pandangan responden berkaitan potensi, cabaran, dan strategi pembangunan.

Proses ini melibatkan beberapa langkah seperti transkripsi data, pengekodan,

semakan dan penamaan tema sebelum membuat tafsiran akhir. Proses transkripsi data adalah proses menukarkan rakaman audio atau video ke dalam bentuk teks bertulis. Manakala proses pengkodan pula merujuk kepada tindakan mengenal pasti, menandakan dan mengkategorikan bahagian-bahagian tertentu dalam data berdasarkan maksud atau tema yang berkaitan potensi pembangunan arkeopelancongan di Dabong, Kelantan. Analisis tematik penting kerana ia menyusun data secara sistematik dan memberikan gambaran yang lebih terperinci terhadap isu yang dikaji

3.6.2 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif merupakan satu kaedah yang digunakan untuk menghuraikan, meringkaskan dan menggambarkan data yang diperoleh dalam sesuatu kajian. Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat mengenal pasti pola, trend dan taburan data yang wujud dengan menggunakan ukuran seperti min, median, mod, peratusan dan kekerapan. Dalam konteks kajian arkeopelancongan, analisis deskriptif membolehkan penyelidik memahami latar belakang responden seperti jantina, umur, tahap pendidikan, tahap pengetahuan masyarakat terhadap tapak arkeologi serta persepsi mereka terhadap pembangunan pelancongan berasaskan warisan. Kaedah ini penting kerana ia menyediakan gambaran umum yang jelas sebelum penyelidik melangkah kepada analisis yang lebih mendalam. Analisis deskriptif dalam kajian ini mampu memberikan pandangan yang berguna dan menyeluruh terhadap potensi pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan.

Melalui analisis ini juga data demografi seperti jantina dan umur dapat memahami kumpulan sasaran yang paling banyak terlibat atau berminat terhadap aktiviti

arkeopelancongan. Selain itu, analisis ini juga membantu menilai tahap kesedaran masyarakat setempat terhadap nilai sejarah dan warisan yang terdapat di Dabong, berdasarkan kekerapan jawapan dalam soal selidik. Dengan mengenal pasti sejauh mana sokongan dan persepsi masyarakat terhadap pembangunan ini, pihak berkepentingan dapat merancang strategi yang lebih berfokus untuk jangka masa yang panjang.

3.7 Rumusan

Kesimpulannya, kajian ini mengaplikasikan pendekatan penyelidikan secara gabungan iaitu kualitatif dan kuantitatif bagi memperoleh data yang menyeluruh dan mendalam berkaitan potensi pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan. Kaedah kualitatif membolehkan pengkaji meneliti persoalan secara mendalam melalui kaedah pemerhatian dan temu bual, manakala kaedah kuantitatif pula menyokong dapatan tersebut dengan data statistik melalui edaran borang soal selidik yang disasarkan kepada masyarakat setempat dan pengunjung. Pemilihan reka bentuk kajian yang bersesuaian ini bukan sahaja membantu menjawab persoalan kajian dengan lebih berkesan, malah turut menyumbang kepada penambahan pengetahuan baharu dan memperkukuh data sedia ada. Pendekatan ini akhirnya dapat memberikan gambaran menyeluruh terhadap nilai warisan dan strategi pembangunan mampan bagi menjadikan Dabong sebagai destinasi arkeopelancongan yang berpotensi tinggi.

Pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, bukan sahaja penting dalam usaha memelihara warisan sejarah dan budaya. Malah turut berpotensi memperkukuh tarikan pelancongan melalui keindahan alam semula jadinya yang unik dengan gabungan

tapak arkeologi serta keindahan semula jadi seperti Gunung Stong, Air Terjun Jelawang dan kepelbagaian flora dan fauna hutan tropika yang menjadikan Dabong sebuah destinasi yang ideal untuk pelancongan berasaskan warisan. Pendekatan ini bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan, lebih penting lagi menggalakkan kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan warisan tempatan.

Di samping itu, kajian mengenai potensi pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong ini dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan pada masa akan datang, khususnya bagi pihak berkuasa tempatan, penggubal dasar dan penggiat industri pelancongan dalam merancang strategi pembangunan yang berasaskan warisan dan alam semula jadi. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha pemeliharaan tapak arkeologi, memperkasakan ekonomi komuniti setempat serta mempromosikan Dabong sebagai destinasi pelancongan yang lestari dan berdaya saing di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Oleh itu, penyelidikan ini menunjukkan bahawa pembangunan arkeopelancongan di Dabong mempunyai potensi besar untuk dimajukan bukan sahaja dari aspek pelestarian warisan, malah turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat setempat.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan hasil kajian yang diperoleh melalui analisis data kualitatif dan kuantitatif bagi menjawab objektif serta persoalan kajian yang telah dibincangkan dalam Bab 1 iaitu menganalisis potensi tapak arkeologi di daerah Dabong, Kelantan sebagai destinasi arkeopelancongan yang lestari, menilai cabaran dalam pembangunan arkeopelancongan di tapak daerah Dabong, Kelantan serta mencadangkan strategi pengurusan pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan.

4.2 Potensi Tapak Arkeologi Di Daerah Dabong, Kelantan Sebagai Destinasi Arkeopelancongan Yang Lestari

Objektif pertama ini menumpukan kepada pengenalanpastian dan potensi tapak arkeologi di Daerah Dabong, Kelantan untuk dibangunkan sebagai destinasi arkeopelancongan yang lestari. Dabong memiliki kelebihan dari segi sumber warisan arkeologi, khususnya kewujudan gua batu kapur, landskap semula jadi serta persekitaran hutan dan sungai yang berpotensi menyimpan tinggalan prasejarah. Elemen ini bukan sahaja bernilai dari sudut penyelidikan dan pendidikan, malah mampu menarik minat pelancong yang berminat terhadap warisan dan sejarah.

Selain itu, aspek kelestarian turut diberi penekanan dengan memastikan pembangunan arkeopelancongan tidak menjejaskan keaslian tapak serta keseimbangan alam sekitar.

Pembangunan yang terancang, kawalan terhadap aktiviti pelancongan, serta penglibatan komuniti setempat dapat membantu memelihara tapak arkeologi sambil menjana manfaat ekonomi kepada penduduk tempatan. Oleh itu, objektif ini bertujuan untuk menilai sejauh mana tapak arkeologi di Dabong berupaya menyumbang kepada pembangunan pelancongan berasaskan warisan.

4.2.1 Potensi Tapak Melalui Kaedah Pemerhatian Tapak

Melalui kaedah pemerhatian tapak, potensi tapak arkeologi di Daerah Dabong dapat dikenal pasti secara langsung berdasarkan keadaan fizikal, persekitaran dan kemudahan sedia ada. Pemerhatian ini melibatkan penilaian terhadap lokasi tapak, tahap kebolehcapaian, serta keadaan persekitaran semula jadi seperti gua batu kapur, sungai dan kawasan hutan yang menjadi tarikan utama arkeopelancongan. Pemerhatian tapak turut membolehkan penilaian terhadap aspek keselamatan, kebersihan dan tahap penyelenggaraan kawasan tapak. Keadaan tapak yang selamat dan terurus menunjukkan kesesuaiannya untuk menerima kunjungan pelawat, sama ada bagi tujuan pendidikan, penyelidikan mahupun pelancongan.

4.2.1 (a) Papan Tanda Keselamatan

Hasil pemerhatian di tapak arkeologi di Daerah Dabong mendapati bahawa papan tanda keselamatan masih kurang dan tidak jelas, terutamanya di kawasan yang mempunyai laluan sukar dan kawasan berisiko. Kekurangan papan tanda ini berpotensi menyebabkan pengunjung kurang peka terhadap risiko keselamatan, seperti jalan licin, kawasan curam, atau bahaya semula jadi lain yang wujud di sekitar tapak. Tambahan

pula, tanpa papan tanda yang sesuai, pengunjung mungkin tidak mengetahui peraturan lawatan atau batasan tertentu, sekali gus meningkatkan risiko kerosakan kepada tapak serta mengurangkan pengalaman lawatan yang selamat dan teratur.

Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun tapak Dabong mempunyai potensi yang tinggi sebagai destinasi arkeopelancongan, aspek pengurusan keselamatan perlu diberi perhatian serius. Penambahbaikan dari segi pemasangan papan tanda yang jelas dan informatif bukan sahaja dapat meningkatkan keselamatan pengunjung, tetapi juga menyokong usaha menjadikan tapak ini sebagai destinasi arkeopelancongan yang lestari, di mana pelancong dapat menghargai warisan sejarah tanpa menjejaskan nilai tapak atau keselamatan diri.



Rajah 4.2.1 (a) memperlihatkan laluan atau trek di Gua Keris yang berbukit dan mencabar memerlukan tahap kecergasan yang tinggi untuk didaki

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)


4.2.1 (b) Tahap Kebersihan Dan Penyelenggaraan Tapak

Tahap kebersihan dan penyelenggaraan tapak arkeologi di Dabong memainkan peranan penting dalam memastikan pengalaman lawatan yang selesa dan selamat bagi pengunjung. Kawasan yang bersih dan terurus bukan sahaja memberi kesan positif kepada imej tapak, tetapi juga mengurangkan risiko kemalangan. Selain itu, kebersihan yang terjaga juga meningkatkan kesedaran pengunjung tentang pentingnya memelihara warisan budaya dan alam sekitar. Kawasan tapak yang kurang bersih atau tidak dijaga dengan baik boleh mengurangkan tarikan pelancongan, menjejaskan pengalaman pengunjung, dan memberi impak negatif kepada usaha pembangunan arkeopelancongan yang lestari. Oleh itu, aspek kebersihan dan penyelenggaraan tapak adalah elemen kritikal yang perlu diberi perhatian sewajarnya untuk menyokong kelestarian tapak serta keselamatan pelawat.



Rajah 4.2.1 (b) i: menunjukkan sampah jenis botol kaca di laluan Gua Kurap

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)




Rajah 4.2.1 (b) ii: terdapat bekas kotak rokok dan botol minuman yang dibuang di kawasan Gua Kuari

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.2.1 (c) Aktiviti Vandalisme

Menurut Kamus Dewan (2005) vandalisme merujuk kepada perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam atau persendirian. Di Gua Dabong, beberapa bentuk vandalisme dikesan, termasuk menconteng dinding gua, menyusun batu secara tidak terkawal, dan membuang sampah merata-rata. Aktiviti ini menjejaskan keaslian tapak, mencemarkan persekitaran dan mengurangkan nilai pendidikan serta pengalaman lawatan. Bukan itu sahaja, tindakan ini juga boleh merosakkan habitat haiwan kecil termasuk serangga yang hidup di kawasan tapak. Kejadian ini menunjukkan tahap kesedaran pengunjung yang rendah terhadap kepentingan memelihara tapak. Oleh itu, usaha meningkatkan kesedaran melalui papan tanda, kempen pendidikan dan pengawasan berkala adalah penting bagi memastikan tapak ini terpelihara untuk generasi akan datang.



Rajah 4.2.1 (c) i: terdapat contengan di dinding Gua Ikan.

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.2.1 (c) i: menunjukkan susunan batu di Gua Keris, Dabong yang disengajaka yang boleh mengakibatkan gangguan terhadap konteks asal tapak

arkeologi dan mengganggu habitat semula jadi

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.2.2 Potensi Tapak Melalui Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual membolehkan penyelidik mengumpul maklumat secara langsung bersama empat (4) informan yang terdiri daripada pemandu pelancong (*tour guide*), wakil Majlis Daerah Dabong, pengusaha dan pensyarah yang pakar dalam bidang. Melalui kaedah ini, penyelidik dapat mengenal pasti potensi tapak dari segi sejarah dan budaya serta mendapatkan pandangan tentang cabaran dan strategi pengurusan pembangunan arkeopelancongan.

BIL.	NAMA	JAWATAN	TEMPOH PERKHIDMATAN
1.	Mohd Norisapandi Bin Muhammad Salleh	Pemandu Pelancong (Tour Guide)	23 Tahun
2.	Umi Natasha Binti Khor	Pengusaha Kedai Makan Teh O' Beng Samah	12 Tahun
3.	Dr. Daeng Haliza Binti Daeng Jamal	Pensyarah Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok, Kelantan	9 Tahun
4.	Hasram Bin Mohamed Hassan	Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Majlis Daerah Dabong, Kelantan	18 Tahun

Jadual 4.2: Butiran Informan

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.2.2 (a) Nilai Warisan Yang Jelas

Nilai warisan yang jelas merujuk kepada keupayaan sesuatu tapak untuk menunjukkan bukti yang nyata tentang sejarah, budaya, atau kehidupan masyarakat terdahulu. Tapak yang mempunyai nilai warisan yang jelas biasanya menampilkan artifak, struktur, atau sisa manusia yang dapat dikaji dan dikaitkan dengan zaman tertentu, seperti rangka manusia, serpihan tembikar, atau alat batu. Bukti ini membolehkan penyelidik mengaitkan tapak tersebut dengan budaya atau peristiwa sejarah tertentu, contohnya penemuan rangka “Mek” di Nenggiri yang dipercayai berasal daripada masyarakat Neolitik. Selain itu, tapak sebegini menyokong kajian saintifik lanjut, termasuk analisis makmal dan penentuan zaman sejarah, serta berpotensi dijadikan sumber pendidikan dan arkeopelancongan kerana ia menceritakan kisah masyarakat terdahulu secara konkrit. Oleh itu, kepastian tentang nilai warisan yang jelas merupakan asas untuk mengiktiraf sesuatu kawasan sebagai tapak arkeologi dan menjadikannya relevan untuk tujuan pemeliharaan serta pembangunan arkeopelancongan.

“Tapak tersebut mestilah mempunyai nilai warisan yang jelas. Maksudnya, apabila terdapat jumpaan arkeologi, kita boleh mengaitkannya dengan pelbagai faktor seperti jenis bukti yang ditemukan serta elemen yang menyokong kewujudan bukti tersebut.”

(Informan III)

4.2.2 (b) Potensi Sebagai Pusat Pembelajaran Dan Pendidikan.

Pembangunan tapak ini sebagai pusat pembelajaran turut membuka peluang kepada pelancongan berasaskan pendidikan (*edu-tourism*) yang melibatkan pelajar

sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, penyelidik serta masyarakat umum. Lawatan pendidikan, kerja lapangan, program interpretasi dan aktiviti penyelidikan boleh dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan warisan arkeologi. Pendekatan ini bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan ilmu pengetahuan, malah dapat memupuk rasa tanggungjawab dalam kalangan pelawat untuk memelihara dan melindungi tapak warisan negara. Seperti yang dinyatakan oleh Informan IV:

“Tapak arkeologi di Dabong berpotensi besar untuk dijadikan pusat pembelajaran kerana nilai sejarah yang dimilikinya. Tapak ini boleh dimanfaatkan sebagai lokasi pembelajaran secara langsung oleh pelajar, penyelidik dan masyarakat umum. Pembangunan pelancongan berasaskan pendidikan (edu-tourism) di kawasan ini dapat meningkatkan pengetahuan, kesedaran serta minat terhadap pemeliharaan warisan arkeologi.” (Informan IV)

4.2.2 (c) Keunikan Lokasi Dan Persekitaran Semula Jadi

Kedudukan Dabong yang dikelilingi hutan dan kawasan alam semula jadi menjadikan tapak arkeologi lebih menarik bagi pelawat. Persekitaran semula jadi ini bukan sahaja menambah nilai estetik tetapi juga memberikan pengalaman pelancongan yang lebih menyeronokkan dan berbeza daripada lawatan ke tapak lain. Gabungan antara warisan sejarah dan keindahan alam semula jadi membolehkan pelawat belajar tentang budaya dan sejarah sambil menikmati suasana semula jadi, sekali gus meningkatkan daya tarikan tapak sebagai destinasi pelancongan yang unik.

“ Kedudukan Dabong yang dikelilingi hutan dan kawasan alam semula jadi memberikan kelebihan kepada tapak arkeologi, menjadikannya lebih menarik dan berbeza daripada destinasi pelancongan lain. Persekitaran semula jadi ini bukan sahaja memperkukuh elemen estetik tapak, tetapi juga menawarkan pengalaman pelancongan yang bersifat interaktif dan menyeluruh, di mana pelawat dapat menikmati keindahan alam sambil mempelajari warisan sejarah yang terdapat di tapak tersebut. Gabungan elemen warisan arkeologi dan alam semula jadi membolehkan pendekatan pelancongan yang lebih menyeluruh, termasuk aktiviti pembelajaran secara langsung, interpretasi budaya, lawatan berpandu dan penyelidikan lapangan.” (Informan I)

4.3 Cabaran Dalam Pembangunan Arkeopelancongan Di Tapak Daerah Dabong, Kelantan

Dalam usaha memajukan arkeopelancongan sebagai sektor pelancongan berteraskan warisan di Daerah Dabong, terdapat beberapa cabaran utama yang perlu dikenalpasti dan ditangani. Cabaran-cabaran ini melibatkan aspek fizikal tapak, pengurusan dan kesedaran komuniti setempat. Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis halangan-halangan tersebut supaya strategi pembangunan dapat dirangka dengan lebih efektif.

4.3.1 Cabaran Dalam Pembangunan Arkeopelancongan melalui Kaedah Pemerhatian Tapak

Berdasarkan kaedah pemerhatian tapak yang dijalankan di Daerah Dabong, Kelantan, beberapa cabaran utama telah dikenal pasti dalam usaha membangunkan

arkeopelancongan di kawasan ini. Antara cabaran yang ketara ialah keadaan infrastruktur tapak yang masih tidak lengkap, termasuk ketiadaan papan tanda interpretasi, laluan pejalan kaki yang selamat serta kemudahan asas untuk pelawat. Pemerhatian di lapangan juga menunjukkan akses ke sesetengah tapak arkeologi dan gua batu kapur adalah terhad, dengan keadaan jalan yang sempit, tidak berturap sepenuhnya dan sukar dilalui terutamanya ketika musim hujan. Keadaan ini menyukarkan pergerakan pelawat serta meningkatkan risiko keselamatan.

Selain itu, tahap penyelenggaraan dan kebersihan tapak yang kurang memuaskan turut menjadi cabaran kepada pembangunan arkeopelancongan. Melalui pemerhatian, terdapat kesan pembuangan sampah, vandalisme serta ketiadaan pemantauan berterusan di beberapa kawasan tapak. Hal ini mencerminkan tahap kesedaran masyarakat dan pengunjung yang masih rendah terhadap kepentingan pemeliharaan warisan arkeologi. Secara keseluruhannya, dapatan melalui kaedah pemerhatian tapak menunjukkan bahawa cabaran dari aspek fizikal, pengurusan dan kesedaran awam perlu ditangani secara sistematik bagi memastikan pembangunan arkeopelancongan di Daerah Dabong dapat dilaksanakan secara mampan dan berkesan.

4.3.1 (a) Kekangan Infrastruktur

Kekangan infrastruktur di tapak arkeologi merupakan cabaran utama yang memberi kesan langsung terhadap pengalaman dan keselamatan pengunjung. Apabila kemudahan asas seperti laluan pejalan kaki yang selamat, papan tanda arah kemudahan penting tidak disediakan dengan baik, pengunjung akan berdepan kesukaran untuk mengakses dan memahami tapak tersebut. Ketidadaan papan tanda maklumat

menyebabkan pelawat tidak memperoleh penjelasan yang jelas mengenai latar belakang sejarah dan nilai arkeologi tapak, sekali gus mengurangkan pengalaman pembelajaran dan apresiasi terhadap warisan.

Selain itu, infrastruktur yang tidak mencukupi turut meningkatkan risiko keselamatan kepada pengunjung, terutamanya di kawasan tapak di kawasan gua atau berada di kawasan berbukit dan pedalaman. Laluan yang rosak, licin atau tidak diselenggara dengan baik boleh menyebabkan kemalangan, manakala ketiadaan pencahayaan dan penghadang keselamatan menambah risiko kecederaan. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keselesaan pengunjung, malah boleh menurunkan minat pelancong untuk melawat tapak tersebut. Secara tidak langsung, kekangan infrastruktur menghalang usaha pembangunan arkeopelancongan yang mampan kerana tapak yang sukar diakses dan tidak mesra pelawat akan gagal menarik kunjungan berterusan.

4.3.1 (b) Aksesibiliti Yang Terhad Ke Tapak-Tapak Berpotensi Arkeologi

Dari segi pengangkutan awam, pergantungan semata-mata kepada perkhidmatan kereta api menjadikan pergerakan pengunjung ke destinasi tapak arkeopelancongan berpotensi di Daerah Dabong agak terhad. Walaupun kereta api merupakan pengangkutan utama yang menghubungkan Dabong dengan kawasan luar, namun ketiadaan sistem pengangkutan awam sokongan seperti grab atau maxim menyebabkan pengunjung sukar untuk bergerak dari stesen kereta api ke tapak-tapak arkeologi yang terletak di kawasan pedalaman. Keadaan ini menyukarkan perancangan lawatan, khususnya bagi pelancong yang tidak mempunyai kenderaan persendirian. Kekangan pengangkutan awam ini secara tidak langsung mengehadkan jumlah pengunjung, menjejaskan pengalaman pelawat di

Daerah Dabong.

4.3.1 (c) Tahap Kesedaran Masyarakat Yang Rendah

Tahap kesedaran masyarakat setempat yang masih rendah terhadap kepentingan warisan arkeologi merupakan salah satu cabaran utama dalam pembangunan arkeopelancongan di Daerah Dabong. Sebahagian penduduk tempatan masih melihat tapak-tapak arkeologi dan gua batu kapur hanya sebagai kawasan semula jadi biasa tanpa memahami nilai sejarah, budaya dan potensi ekonominya. Kekurangan pendedahan melalui program pendidikan, kempen kesedaran serta penglibatan komuniti dalam aktiviti penyelidikan dan pemuliharaan menyebabkan wujudnya sikap kurang peduli terhadap pemeliharaan tapak. Keadaan ini berpotensi membawa kepada aktiviti yang boleh menjejaskan integriti tapak seperti vandalisme, pembuangan sampah dan pencerobohan tanpa kawalan. Justeru, tahap kesedaran masyarakat yang rendah bukan sahaja menghalang usaha pemuliharaan warisan, malah membantutkan pembangunan arkeopelancongan yang mampan di Daerah Dabong.

4.3.2 Cabaran Dalam Pembangunan Arkeopelancongan melalui Kaedah Temu Bual

Berdasarkan kaedah temu bual yang dijalankan, beberapa cabaran utama dalam pembangunan arkeopelancongan di Daerah Dabong telah dikenal pasti, antaranya kekangan infrastruktur dan aksesibiliti ke tapak-tapak arkeologi yang berpotensi serta tahap kesedaran masyarakat yang rendah. Kekurangan penglibatan komuniti serta ketiadaan latihan khusus berkaitan pengurusan dan pemanduan pelancong arkeologi turut dikenal pasti sebagai faktor yang membantutkan pembangunan arkeopelancongan secara

mampan di Daerah Dabong.

4.3.2 (a) Keterbatasan Sumber Kewangan

Masalah kewangan merupakan salah satu cabaran utama dalam pembangunan arkeopelancongan kerana keterbatasan sumber dana memberi kesan langsung terhadap usaha pemuliharaan dan pembangunan tapak arkeologi. Kekurangan peruntukan kewangan menyebabkan penyediaan infrastruktur asas, kerja-kerja penyelenggaraan tapak, aktiviti penyelidikan serta promosi pelancongan tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Selain itu, masalah pembiayaan turut mengehadkan pelaksanaan program latihan dan penglibatan komuniti tempatan, sekali gus menjejaskan kualiti perkhidmatan serta pengalaman pengunjung. Tanpa sokongan kewangan yang mencukupi dan berterusan, potensi tapak arkeologi untuk dibangunkan sebagai destinasi arkeopelancongan yang mampan sukar direalisasikan sepenuhnya.

“Dari segi kewangan, pembangunan arkeopelancongan memerlukan kos yang agak tinggi, terutamanya untuk penyediaan infrastruktur asas dan penyelenggaraan kawasan. Pihak berkuasa tempatan seperti Majlis Daerah Dabong mempunyai peranan dalam pembangunan kawasan setempat, namun peruntukan yang terhad menyebabkan usaha pembangunan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.” (Informan I)

Selain itu, pensyarah yang pakar dalam bidang berkaitan dari Universiti Malaysia Kelantan turut mengesahkan perkara tersebut,

“Berdasarkan pemerhatian saya, cabaran pertama ialah dana atau kewangan. Walau

apa pun perancangan pembangunan sesuatu kawasan, ia sememangnya akan melibatkan kos yang besar. Oleh itu, kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri perlu memainkan peranan yang aktif. Kerajaan negeri khususnya perlu mempunyai keyakinan untuk meyakinkan kerajaan persekutuan serta menarik penglibatan syarikat-syarikat swasta bagi turut melabur dalam pembangunan kawasan tersebut. Hal ini penting kerana pembangunan tapak arkeologi bukan sahaja melibatkan penyediaan pelbagai keperluan dan kemudahan, malah turut melibatkan pengurusan serta pemeliharaan data-data arkeologi yang sedia ada.” (Informan III)

Bukan itu sahaja, Majlis Daerah Dabong, Kelantan juga menyifatkan antara cabaran yang dihadapi adalah kekangan kewangan, yang menyukarkan pengurusan, penyelenggaraan tapak serta penyediaan latihan dan kursus berkaitan.

"Cabaran utama yang dihadapi ialah kekangan kewangan atau bajet dalam pengurusan tapak arkeologi. Pengurusan dan pemeliharaan tapak memerlukan peruntukan khas, termasuk untuk latihan dan kursus berkaitan. Namun, dalam bajet tahunan sedia ada, tiada peruntukan khusus bagi pengurusan tapak arkeologi yang seterusnya menjejaskan usaha pengurusan tapak." (Informan IV)

Secara keseluruhannya, masalah kewangan merupakan cabaran yang signifikan dan menjadi faktor penentu kejayaan atau kegagalan pembangunan arkeopelancongan di sesuatu kawasan. Kekangan dana bukan sahaja melambatkan pelaksanaan projek pembangunan, malah menjejaskan aspek pemuliharaan, pengurusan tapak dan kesinambungan penyelidikan arkeologi. Keadaan ini menunjukkan keperluan kepada sokongan kewangan yang lebih tersusun dan berterusan melalui kerjasama pelbagai

pihak, termasuk kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan serta sektor swasta. Dengan peruntukan kewangan yang mencukupi dan strategi pembiayaan yang mampan, potensi tapak arkeologi di Daerah Dabong dapat dimanfaatkan secara optimum sebagai destinasi arkeopelancongan yang berdaya saing, lestari dan memberi manfaat kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat.

4.3.2 (b) Tahap Kesedaran Yang Rendah

Tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan komuniti tempatan dan pengunjung merupakan salah satu cabaran utama dalam pembangunan arkeopelancongan di Daerah Dabong. Kekurangan pengetahuan mengenai kepentingan dan nilai tapak arkeologi menyebabkan sebahagian masyarakat kurang mengambil berat terhadap pemeliharaan tapak, seterusnya meningkatkan risiko kerosakan atau pencemaran.

Selain itu, sikap sambil lewa pengunjung seperti membuang sampah atau menyentuh struktur tapak juga memberi kesan negatif terhadap pemuliharaan. Kekurangan program pendidikan, kempen kesedaran dan aktiviti promosi warisan menyebabkan maklumat mengenai kepentingan tapak arkeologi tidak sampai kepada masyarakat secara meluas. Informan I menyatakan bahawa antara cabaran yang dihadapi ialah tahap kesedaran masyarakat yang masih rendah, seperti berikut:

“Bukan itu sahaja, kesedaran yang masih lemah dan kekurangan infrastruktur asas seperti jalan masuk, papan tanda, dan kemudahan pelancong yang lain juga menyebabkan tidak ramai yang benar-benar faham tentang nilai sejarah dan warisan arkeologi di kawasan ini.” (Informan I)

Cabaran ini turut disokong oleh Informan III yang menegaskan bahawa kurangnya kesedaran masyarakat terhadap kepentingan tapak arkeologi menyukarkan pelaksanaan aktiviti pemuliharaan dan pengurusan tapak secara berkesan.

“Selain itu, aspek kesedaran terhadap vandalisme juga menjadi isu penting, khususnya berkaitan perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh pelancong serta masyarakat setempat di tapak arkeologi. Walaupun terdapat banyak larangan, perbuatan vandalisme masih kerap berlaku akibat kurangnya kesedaran dan rasa tanggungjawab. Terdapat individu yang berasa bangga dengan penemuan arkeologi seperti rangka manusia tertua, namun pada masa yang sama tidak mempunyai kesedaran untuk melindunginya. Akibatnya, mereka merasakan perbuatan vandalisme di tapak tersebut sebagai sesuatu yang dibenarkan, sedangkan ia memberi kesan besar terhadap kelestarian warisan arkeologi.” (Informan III)

Oleh hal yang demikian, tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan masyarakat tempatan menjadi halangan besar dalam pembangunan arkeopelancongan di Daerah Dabong. Keadaan ini menunjukkan bahawa usaha meningkatkan kesedaran melalui pendidikan, latihan dan penglibatan komuniti perlu diberi penekanan bagi memastikan tapak arkeologi dapat dipelihara dan dimanfaatkan secara lestari.

4.4 Strategi Pengurusan Pembangunan Arkeopelancongan Di Daerah Dabong, Kelantan

Objektif ketiga kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi yang sesuai bagi

pengurusan pembangunan arkeopelancongan di Daerah Dabong, Kelantan. Strategi ini merangkumi pelbagai pendekatan, termasuk penyediaan infrastruktur asas yang lengkap, pemeliharaan tapak arkeologi secara berterusan serta peningkatan tahap kesedaran dan penglibatan komuniti tempatan. Dengan pelaksanaan strategi yang menyeluruh dan tersusun, potensi tapak arkeologi di Daerah Dabong dapat dimanfaatkan secara optimum sebagai destinasi arkeopelancongan yang lestari, berdaya saing dan memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

4.4.1 Strategi Pengurusan Pembangunan Arkeopelancongan Melalui Pemerhatian

Strategi pengurusan pembangunan arkeopelancongan melalui pemerhatian menekankan kepentingan pemantauan berterusan terhadap tapak arkeologi bagi memastikan pemeliharaan dan keselamatan warisan dapat dijaga dengan baik. Melalui pemerhatian, pihak berkuasa dapat mengenal pasti keadaan fizikal tapak, kerosakan, aktiviti pengunjung serta keperluan penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan. Dengan kaedah ini, pembangunan arkeopelancongan dapat dilaksanakan secara terancang dan lestari, sambil memastikan pengalaman pengunjung selamat dan berkualiti.

4.4.1 (a) Pemantauan Fizikal Tapak

Pemantauan fizikal tapak perlu dilaksanakan secara sistematik dan berterusan bagi memastikan tahap pemeliharaan tapak arkeologi sentiasa berada dalam keadaan terkawal. Melalui pemantauan ini, sebarang kerosakan fizikal seperti hakisan, runtuh struktur, perubahan landskap serta kesan cuaca dapat dikenal pasti pada peringkat awal.

Selain itu, pemantauan berkala juga penting untuk mengesan aktiviti vandalisme, pencerobohan dan penggunaan tapak yang tidak terkawal oleh pihak tertentu yang boleh menjejaskan keaslian serta nilai warisan tapak tersebut. Faktor ancaman alam sekitar seperti pertumbuhan tumbuh-tumbuhan liar, banjir dan hakisan tanah turut perlu diberi perhatian kerana ia berpotensi mempercepatkan kemerosotan fizikal tapak. Oleh itu, pelaksanaan pemantauan fizikal yang berkesan dapat membantu pihak pengurusan merancang langkah pemuliharaan, penyelenggaraan dan perlindungan tapak secara lebih berkesan.

4.4.1 (b) Penilaian Infrastruktur Dan Kemudahan

Penilaian terhadap infrastruktur dan kemudahan di tapak arkeologi menunjukkan bahawa tahap kemudahan sedia ada masih belum mencukupi untuk menyokong pembangunan arkeopelancongan secara berkesan. Kekurangan infrastruktur asas seperti laluan yang selamat, papan tanda maklumat yang jelas serta kemudahan awam yang terpelihara bukan sahaja menjejaskan keselesaan pengunjung, malah berpotensi meningkatkan risiko keselamatan dan kerosakan terhadap tapak.

Selain itu, penambahbaikan boleh dilakukan melalui penyediaan papan informasi yang jelas di kawasan tapak bagi membantu pengunjung memahami latar belakang sejarah, kepentingan arkeologi serta peraturan yang perlu dipatuhi semasa berada di tapak tersebut. Ketiadaan papan informasi bukan sahaja menyebabkan pengunjung kurang kesedaran terhadap nilai warisan tapak, malah berpotensi mendorong berlakunya tingkah laku yang tidak bertanggungjawab seperti menyentuh, memindahkan atau merosakkan tinggalan arkeologi. Oleh itu, penyediaan papan informasi yang bersesuaian dilihat

sebagai satu keperluan penting dalam meningkatkan tahap kesedaran, pengalaman pelawat serta keberkesanan pengurusan tapak secara keseluruhan.

4.4.2 Strategi Pengurusan Pembangunan Arkeopelancongan Melalui Temu Bual

Temu bual dengan pihak berkepentingan seperti pemandu pelancong, komuniti setempat, Majlis Daerah Dabong serta pensyarah yang pakar dalam bidang warisan dapat menyediakan maklumat langsung mengenai persepsi, pengalaman dan keperluan berkaitan pembangunan arkeopelancongan. Strategi ini membolehkan pihak pengurusan memahami cabaran sebenar di lapangan, mengenal pasti kekurangan infrastruktur atau kemudahan serta menilai tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemuliharaan tapak. Maklumat yang diperolehi daripada temu bual juga boleh digunakan untuk merangka program kesedaran, aktiviti promosi dan strategi pengurusan yang lebih berkesan.

4.4.2 (a) Kerjasama Antara Pelbagai Pihak

Kerjasama antara pelbagai pihak merupakan aspek penting dalam memastikan pengurusan dan pembangunan tapak arkeologi di Dabong dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan. Penglibatan pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan yang berkaitan, komuniti setempat serta agensi keselamatan dan penyelamat membolehkan usaha pemeliharaan, pengurusan dan pembangunan tapak dilaksanakan secara menyeluruh. Kerjasama ini juga membantu dalam menyelaras aspek keselamatan, penyediaan kemudahan asas serta promosi tapak arkeologi kepada umum. Oleh itu, hubungan kerjasama yang kukuh antara semua pihak berkepentingan amat diperlukan

bagi memastikan potensi tapak arkeologi dapat dimanfaatkan secara optimum dan lestari.

“Pembangunan dan pemeliharaan tapak arkeologi di Dabong memerlukan penglibatan serta kerjasama menyeluruh daripada semua pihak berkepentingan. Ini merangkumi penglibatan komuniti setempat sebagai hos pelancongan, pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Daerah Dabong, renjer hutan yang bertanggungjawab menjaga kawasan hutan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sebagai agensi pelancongan, serta agensi keselamatan dan penyelamat seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Kerjasama bersepadu antara semua pihak ini amat penting bagi memastikan potensi tapak-tapak arkeologi yang ada dapat dipelihara, diurus dan dibangunkan secara berkesan serta lestari.”(Informan I)

Dapatan ini turut disokong oleh Informan II yang menyatakan bahawa kerjasama antara agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat amat penting bagi memastikan aspek keselamatan serta kelestarian tapak arkeologi dapat dijaga dengan baik. Menurut beliau, penyelarasan peranan antara pihak terlibat dapat mengelakkan pertindihan tugas dan meningkatkan keberkesanan pengurusan tapak.

“Kerjasama daripada semua pihak amat penting, bukan sahaja melibatkan kerajaan tetapi juga masyarakat setempat. Apabila perkara ini dilaksanakan, secara tidak langsung kita bukan sahaja dapat melindungi tapak arkeologi daripada kemusnahan, malah turut melestarikannya. Hal ini kerana usaha tersebut dilakukan secara bersama oleh semua pihak. Pada pandangan saya, sekiranya strategi ini dilaksanakan dengan baik, akan membolehkan masyarakat memperoleh manfaat secara bersama. Masyarakat akan dapat melihat faedah yang boleh diperolehi dalam jangka masa panjang, manakala

kertas kerja jelas daripada pihak kerajaan mampu membangunkan Dabong sebagai pusat arkeopelancongan.” (Informan III)

4.4.2 (b) Keperluan Kejelasan Pihak Bertanggungjawab Dalam Pengurusan Tapak

Kejelasan pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan tapak merupakan aspek penting bagi memastikan pengurusan dapat dilaksanakan secara cekap dan sistematik. Penetapan peranan serta bidang kuasa yang jelas dapat mengelakkan pertindihan tugas, memudahkan penyelarasan antara pihak berkepentingan dan meningkatkan tahap akauntabiliti dalam setiap tindakan pengurusan. Kejelasan ini seterusnya menyumbang kepada pelaksanaan pemeliharaan, penyelenggaraan dan pembangunan tapak yang lebih berkesan.

“Aspek pengurusan tapak juga perlu diberi perhatian, khususnya dengan memperjelaskan pihak yang bertanggungjawab. Kejelasan ini penting bagi memastikan langkah-langkah pengurusan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.”
(Informan III)

Kesimpulannya, dapatan daripada Informan III menunjukkan bahawa kejelasan pihak yang bertanggungjawab merupakan faktor penting dalam memastikan pengurusan tapak dapat dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Penekanan terhadap aspek ini mencerminkan keperluan kepada struktur pengurusan yang jelas bagi mengelakkan kekeliruan dalam pelaksanaan tugas serta memastikan setiap langkah pengurusan dapat dirancang dan dilaksanakan secara sistematik.

4.4.2 (c) Kepentingan Penyediaan Infrastruktur Di Kawasan Tapak

Infrastruktur memainkan peranan penting dalam menyokong kelancaran pengurusan serta meningkatkan pengalaman pengunjung di sesuatu tapak. Penyediaan infrastruktur yang baik seperti jalan raya, papan tanda maklumat, tandas awam dan pusat informasi pelancong memudahkan akses, menjamin keselesaan dan meningkatkan tahap keselamatan pengunjung. Selain itu, infrastruktur yang terancang membantu penyampaian maklumat yang berkesan, menggalakkan kunjungan pelawat serta menyokong pembangunan arkeopelancongan secara sistematik.

“kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, papan tanda maklumat, tandas awam dan pusat informasi pelancong perlu dipertingkatkan bagi memberikan keselesaan kepada pengunjung.” (Informan I)

Informan IV menyatakan persetujuan terhadap keperluan penambahbaikan kemudahan infrastruktur,

“Sebagai wakil daripada Majlis Daerah Dabong, saya bersetuju bahawa penambahbaikan kemudahan infrastruktur di tapak adalah amat penting. Penambahbaikan ini juga memudahkan pengunjung mengakses tapak dengan lebih mudah dan membantu mereka memahami maklumat berkaitan tapak dengan lebih berkesan. Dengan adanya kemudahan yang teratur dan mencukupi, pengalaman lawatan pelawat dapat dipertingkatkan, sekali gus menyokong pembangunan arkeopelancongan secara sistematik dan mampan di kawasan Dabong” (Informan IV)

Kesimpulannya, dapatan kajian bahawa penyediaan dan penambahbaikan infrastruktur merupakan aspek penting dalam memastikan keselesaan serta keselamatan pengunjung. Keperluan untuk meningkatkan kemudahan seperti jalan raya, papan tanda maklumat, tandas awam dan pusat informasi pelancong menunjukkan bahawa infrastruktur yang terancang bukan sahaja menyokong kelancaran pengurusan tapak, malah berperanan dalam mempertingkatkan pengalaman lawatan serta menyumbang kepada pembangunan arkeopelancongan yang lebih sistematik dan berkesan.


4.5 Demografi Responden

Bahagian ini menunjukkan data demografi responden yang merangkumi jantina, umur, dan tahap pendidikan dalam kalangan pengunjung serta penduduk setempat di Daerah Dabong, Kelantan.

Hasil data ini diperolehi melalui borang soal selidik yang bertujuan untuk memahami latar belakang responden yang terlibat dalam kajian ini. Analisis demografi ini juga memberikan gambaran umum tentang ciri-ciri sosioekonomi responden serta membantu penyelidik mengenal pasti tahap penglibatan dan persepsi mereka terhadap potensi pembangunan arkeopelancongan di daerah tersebut. Melalui analisis ini, penyelidik dapat menilai sejauh mana faktor seperti jantina, peringkat umur dan tahap pendidikan mempengaruhi kesedaran, minat serta penerimaan responden terhadap usaha memajukan tapak arkeologi sebagai destinasi pelancongan yang lestari.

4.5.1 (a) Jantina Responden

Rajah 4.3.1 (a) dibawah mengemukakan jumlah keseluruhan responden iaitu seramai 200 responden. Pecahan jantina menunjukkan majoriti responden ialah lelaki iaitu seramai 102 orang atau 51% manakala responden perempuan adalah seramai 98 orang atau 49%. data ini menunjukkan bilangan responden lelaki lebih ramai berbanding responden perempuan.



Rajah 4.5.1 (a): Jantina Responden


(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.5.1 (b) Umur Responden

Berdasarkan Rajah 4.3.1(b), terdapat lima kategori umur yang disenaraikan dalam borang soal selidik sebagai pilihan, iaitu 18–25 tahun, 26–35 tahun, 36–45 tahun, 46–55 tahun serta 56 tahun dan ke atas. Dalam kajian ini, kategori umur yang paling ramai terlibat

sebagai responden ialah kumpulan umur 18-25 tahun, dengan jumlah seramai 102 orang (51.3%). Seterusnya, kategori 26-35 tahun mencatatkan 55 orang (27.6%), diikuti oleh kategori 36-45 tahun dengan 28 orang (14.1%). Bagi kategori 46-55 tahun, seramai 11 orang (5%) telah terlibat, manakala kategori 56 tahun dan ke atas merupakan kumpulan yang paling sedikit, iaitu hanya 4 orang (2%) yang memberi maklum balas terhadap soal selidik ini.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden terdiri daripada golongan berumur 18-25 tahun, yang menunjukkan penyertaan aktif kumpulan remaja dan dewasa dalam kajian ini. Hal ini menunjukkan bahawa golongan dalam lingkungan umur tersebut mempunyai minat dan kesedaran yang tinggi terhadap pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong. Sementara itu, penyertaan daripada kategori umur yang lebih tua, khususnya 56 tahun dan ke atas, adalah rendah, kemungkinan disebabkan oleh faktor umur atau tahap pendedahan terhadap aktiviti berkaitan arkeopelancongan.



Rajah 4.5.1 (b): Umur Responden

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)


4.5.1 (c) Tahap Pendidikan Responden

Berdasarkan Jadual 4.3.1(c), terdapat lima tahap pendidikan responden yang diambil kira dalam kajian ini, melibatkan responden daripada kalangan pengunjung dan penduduk tempatan. Tahap pendidikan yang paling ramai dicatatkan ialah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dengan jumlah seramai 93 orang (46.5%). Ini diikuti oleh responden yang memiliki Diploma, seramai 63 orang (31.3%). Seterusnya, responden yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda adalah seramai 41 orang (20.7%). Akhir sekali, tahap pendidikan Ijazah Sarjana seramai 2 orang (1%) dan golongan responden yang berpendidikan PhD mencatatkan jumlah 1 orang (0.5%).

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tahap pendidikan SPM, sekali gus menggambarkan bahawa kumpulan berpendidikan menengah merupakan golongan yang paling ramai terlibat dalam kajian ini. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan tidak menjadi halangan untuk mereka memberikan pandangan dan maklum balas terhadap pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong.

Dalam pada masa yang sama, pihak sekolah juga pernah mengadakan lawatan pembelajaran ke gua-gua di kawasan Dabong sebagai sebahagian daripada aktiviti pendidikan luar bilik darjah. Aktiviti seperti ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan pelajar tentang warisan arkeologi, tetapi juga memupuk kesedaran awal terhadap nilai sejarah dan kepentingan pemuliharaan tapak arkeologi di kawasan tersebut. Justeru, kehadiran responden berpendidikan Diploma dan Ijazah Sarjana Muda turut menunjukkan wujudnya minat serta kesedaran yang baik dalam kalangan individu

berpendidikan tinggi terhadap kepentingan pemuliharaan dan pembangunan tapak arkeologi sebagai destinasi pelancongan lestari.



Rajah 4.5.1 (c): Tahap Pendidikan Responden

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.5.2 Faktor Yang Mempengaruhi Potensi Arkeopelancongan Di Daerah Dabong, Kelantan

Bahagian ini membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi potensi pembangunan arkeopelancongan di Daerah Dabong, yang merangkumi aspek keselamatan, kemudahan, aksesibiliti, pendidikan serta promosi secara menyeluruh.

4.5.2 (a) Tahap Keselamatan berdasarkan Potensi Arkeopelancongan


Berdasarkan dapatan kajian, tahap keselamatan tapak warisan arkeologi di Dabong

didapati masih kurang meyakinkan. Majoriti responden iaitu sebanyak 49% (98 responden) menyatakan tidak pasti sama ada tapak ini selamat untuk dikunjungi. Keadaan ini menunjukkan wujud kekurangan maklumat dan pendedahan berkaitan aspek keselamatan kepada pengunjung. Walau bagaimanapun, 24.5% (49 responden) bersetuju bahawa tapak ini selamat, manakala 23% (46 responden) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hanya sebilangan kecil responden iaitu 2.5% (5 responden) sangat bersetuju dan 1% (2 responden) sangat tidak bersetuju. Secara keseluruhan, dapatan ini mencerminkan tahap keyakinan pengunjung terhadap keselamatan tapak arkeologi di Dabong masih belum kukuh dan memerlukan penambahbaikan daripada pihak berkepentingan. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.5.2 (a) i.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penyediaan papan tanda keselamatan di kawasan tapak arkeologi di Dabong masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Sebanyak 46.5% (93 responden) menyatakan tidak pasti terhadap kejelasan papan tanda keselamatan yang disediakan. Selain itu, 35% (70 responden) tidak bersetuju bahawa papan tanda keselamatan disediakan dengan jelas, manakala hanya 15.5% (31 responden) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Peratusan responden yang sangat bersetuju adalah rendah iaitu 2% (4 responden), manakala 1% (2 responden) sangat tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan papan tanda keselamatan yang sedia ada tidak mencukupi serta kurang berkesan dalam menyampaikan maklumat keselamatan kepada pengunjung. Maklumat ini dapat dilihat di Rajah 4.5.2 (a) ii.

Bagi aspek kawalan keselamatan oleh pihak pengurusan, hasil kajian mendapati majoriti responden iaitu 45.5% (91 responden) berada pada tahap tidak pasti terhadap kecukupan kawalan keselamatan yang disediakan. Seterusnya, 35% (70 responden) tidak

bersetuju bahawa pihak pengurusan memastikan kawalan keselamatan yang mencukupi, manakala hanya 14.5% (29 responden) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Peratusan responden yang sangat bersetuju dan sangat tidak bersetuju masing-masing adalah 2.5% (5 responden). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa kawalan keselamatan di tapak arkeologi Dabong masih lemah dan memerlukan perancangan serta pengurusan keselamatan yang lebih sistematik. Analisis ini disokong oleh ilustrasi dalam Rajah 4.5.2 (a) iii.



Rajah 4.5.2 (a) i: Tahap keselamatan tapak warisan arkeologi di Dabong adalah


selamat untuk dikunjungi

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.2 (a) ii: Papan tanda keselamatan disediakan dengan jelas di sekitar kawasan tapak.

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.2 (a) iii: Pihak pengurusan memastikan kawalan keselamatan yang mencukupi.

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keselamatan tapak arkeologi di Dabong masih berada pada tahap kurang memuaskan. Tahap tidak pasti yang tinggi dalam kalangan responden bagi aspek keselamatan tapak, papan tanda keselamatan dan kawalan keselamatan mencerminkan kurangnya keyakinan serta pendedahan maklumat kepada pengunjung. Selain itu, peratusan responden yang tidak bersetuju, khususnya berkaitan papan tanda dan kawalan keselamatan, menunjukkan kelemahan dalam pengurusan keselamatan tapak. Oleh itu, penambahbaikan yang lebih sistematik perlu dilaksanakan bagi meningkatkan keyakinan pengunjung dan memastikan kelestarian tapak warisan arkeologi di Dabong.

4.5.2 (b) Kemudahan Asas berdasarkan Potensi Arkeopelancongan


Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penyelenggaraan kemudahan asas di tapak arkeologi di Dabong masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Majoriti responden iaitu 43.5% (87 responden) menyatakan tidak pasti sama ada kemudahan asas diselenggara dengan baik, diikuti 37.5% (75 responden) yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hanya 15% (30 responden) bersetuju dan 3% (6 responden) sangat bersetuju, manakala 1% (2 responden) sangat tidak bersetuju. Peratusan tidak pasti dan tidak setuju yang tinggi menunjukkan bahawa penyelenggaraan kemudahan asas masih tidak konsisten pada pandangan pengunjung. Rajah 4.5.2 (b) i boleh digunakan sebagai panduan untuk memahami tentang kemudahan asas yang berada di tapak arkeologi di Dabong, Kelantan.

Bagi aspek kejelasan papan maklumat, hasil kajian mendapati 48% (96 responden) berada pada tahap tidak pasti terhadap kejelasan dan kefahaman papan maklumat yang disediakan di tapak arkeologi. Selain itu, 32.5% (65 responden) tidak bersetuju bahawa

papan maklumat tersebut jelas dan mudah difahami. Walaupun terdapat 16.5% (33 responden) yang bersetuju dan 3% (6 responden) sangat bersetuju, peratusan ini masih rendah berbanding responden yang ragu-ragu dan tidak bersetuju. Keadaan ini menunjukkan keperluan penambahbaikan dari segi kandungan, reka bentuk dan penempatan papan maklumat bagi meningkatkan kefahaman pengunjung. Untuk gambaran yang lebih menyeluruh, lihat pada Rajah 4.5.2 (b) ii.


Berdasarkan dapatan kajian, majoriti responden iaitu 51% (102 responden) menyatakan tidak pasti sama ada tapak arkeologi di Dabong menyediakan pelbagai kemudahan asas. Seterusnya, 24% (48 responden) bersetuju dengan pernyataan tersebut, manakala 22% (44 responden) tidak bersetuju. Hanya 3% (6 responden) sangat bersetuju bahawa tapak ini menyediakan pelbagai kemudahan asas. Dapatan ini menunjukkan bahawa penyediaan kemudahan asas di tapak arkeologi Dabong masih kurang jelas dan tidak mencukupi, ini menjejaskan persepsi serta tahap keselesaan pengunjung. Lihat Rajah 4.5.2 (b) iii bagi pemahaman lebih jelas.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek kemudahan asas di tapak arkeologi di Dabong masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Tahap tidak pasti yang tinggi dalam kalangan responden bagi aspek penyelenggaraan kemudahan, kejelasan papan maklumat dan penyediaan kemudahan asas mencerminkan keberkesanan pengurusan kemudahan yang masih terhad. Selain itu, peratusan responden yang tidak bersetuju yang ketara menunjukkan wujud kelemahan dari segi penyelenggaraan dan perancangan kemudahan di tapak. Oleh itu, penambahbaikan yang lebih sistematik dan menyeluruh perlu dilaksanakan bagi meningkatkan keselesaan, kefahaman serta pengalaman pengunjung di tapak arkeologi di Dabong.




Rajah 4.5.2 (b) i: Kemudahan asas di tapak diselenggara dengan baik

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.2 (b) ii: Papan maklumat yang disediakan jelas dan mudah difahami

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.2 (b) iii: Tapak ini menyediakan pelbagai kemudahan asas

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.5.2 (c) Tahap Aksesibiliti Tapak Warisan Arkeologi berdasarkan Potensi Arkeopelancongan

Berdasarkan hasil kajian, seramai 109 responden (54.5%) menyatakan tidak pasti bahawa tapak arkeologi mudah diakses melalui laluan sedia ada. Seramai 51 responden (25.5%) tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Sementara itu, hanya 33 responden (16.5%) setuju dan 7 responden (3.5%) sangat setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kebolehcapaian fizikal ke tapak arkeologi masih kurang jelas kepada majoriti responden. Maklumat ini dapat dilihat di Rajah 4.5.2 (c) i.


Bagi aspek kemudahan pengangkutan awam, majoriti responden iaitu 106 orang (53.0%) berada pada tahap tidak pasti. Selain itu, 58 responden (29.0%) tidak setuju dan 4 responden (2.0%) sangat tidak setuju bahawa kemudahan pengangkutan awam

disediakan ke tapak arkeologi. Hanya 27 responden (13.5%) setuju dan 5 responden (2.5%) sangat setuju. Keputusan ini mencerminkan bahawa kemudahan pengangkutan awam ke tapak arkeologi adalah terhad atau kurang diketahui oleh pengunjung. Rujuk Rajah 4.5.2 (c) ii untuk maklumat lanjut.

Bagi pernyataan berkaitan akses internet, seramai 109 responden (54.5%) berada dalam kategori tidak pasti sama ada akses internet membantu pengunjung mendapatkan maklumat dan menjejaki lokasi tapak arkeologi. Seramai 48 responden (24.0%) tidak setuju, manakala 36 responden (18.0%) setuju dan 7 responden (3.5%) sangat setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa peranan akses internet dalam menyokong lawatan ke tapak arkeologi masih belum dimanfaatkan secara optimum. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Rajah 4.5.2 (c) iii di bawah.


Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kebolehcapaian ke tapak arkeologi dari segi akses fizikal, kemudahan pengangkutan awam dan sokongan akses internet masih berada pada tahap masih lemah dalam kalangan responden. Majoriti responden menunjukkan sikap tidak pasti terhadap kemudahan laluan sedia ada ke tapak arkeologi serta kewujudan pengangkutan awam yang memudahkan pergerakan pengunjung. Keadaan ini menunjukkan bahawa kemudahan asas berkaitan akses ke tapak tersebut sama ada masih terhad, kurang dimaklumkan atau belum dibangunkan secara menyeluruh. Selain itu, peranan akses internet dalam membantu pengunjung mendapatkan maklumat dan menjejaki lokasi tapak arkeologi juga didapati belum dimanfaatkan secara optimum. Dapatan ini menegaskan keperluan untuk penambahbaikan dari segi infrastruktur fizikal, sistem pengangkutan dan penyampaian maklumat digital bagi meningkatkan pengalaman serta kebolehcapaian

pengunjung ke tapak arkeologi.




Rajah 4.5.2 (c) i: Tapak warisan arkeologi mudah diakses oleh pengunjung melalui laluan yang sedia ada

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.2 (c) ii: Kemudahan pengangkutan awam disediakan bagi memudahkan pengunjung ke tapak warisan arkeologi

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.2 (c) iii: Akses internet membantu pengunjung mendapatkan maklumat serta menjejak lokasi tapak warisan arkeologi

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.5.2 (d) Peranan Pendidikan Dan Kesedaran Berdasarkan Potensi Arkeopelancongan


Hasil kajian menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi terhadap kesesuaian tapak ini sebagai pusat pembelajaran. Seramai 84 responden (42.0%) setuju dan 70 responden (35.0%) sangat setuju dengan pernyataan ini. Walau bagaimanapun, 34 responden (17.0%) berada dalam kategori tidak pasti dan 12 responden (6.0%) tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa tapak arkeologi mempunyai potensi besar sebagai medium pembelajaran, walaupun masih terdapat sebilangan kecil responden yang kurang yakin terhadap peranannya. Perincian lanjut mengenai perkara ini boleh dilihat dalam Rajah 4.5.2 (d) i di bawah.

Bagi aspek pemeliharaan dan pemuliharaan pula, majoriti responden menunjukkan sokongan yang kukuh. Seramai 84 responden (42.0%) setuju dan 74 responden (37.0%) sangat setuju bahawa tapak ini penting untuk dipelihara sebagai sebahagian daripada warisan negara. Sementara itu, 30 responden (15.0%) tidak pasti dan 12 responden (6.0%) tidak setuju. Keputusan ini mencerminkan tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan responden terhadap kepentingan pemeliharaan tapak arkeologi. Analisis ini disokong oleh Rajah 4.5.2 (d) ii.

Dari segi nilai sejarah tapak warisan arkeologi di Dabong, dapatan menunjukkan pandangan yang lebih seimbang. Seramai 68 responden (34.0%) setuju dan 36 responden (18.0%) sangat setuju bahawa tapak ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi. Namun demikian, 69 responden (34.5%) berada dalam kategori tidak pasti, manakala 27 responden (13.5%) tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun nilai sejarah tapak diakui oleh sebahagian besar responden, tahap kefahaman dan pendedahan terhadap kepentingan sejarah tapak masih perlu dipertingkatkan. Maklumat ini dapat dilihat di Rajah 4.5.2 (d) iii.


Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa tapak warisan arkeologi di Dabong mempunyai potensi yang besar sebagai pusat pembelajaran berkaitan sejarah, warisan dan budaya serta mampu diiktiraf kepentingannya untuk dipelihara dan dipulihara sebagai sebahagian daripada warisan negara. Tahap persetujuan yang tinggi terhadap kedua-dua aspek ini mencerminkan kesedaran dan sokongan positif dalam kalangan responden terhadap peranan tapak arkeologi dalam pendidikan dan pemeliharaan identiti warisan. Walau bagaimanapun, penilaian terhadap nilai sejarah tapak menunjukkan wujudnya sebahagian responden yang masih tidak pasti, menandakan bahawa tahap kefahaman dan pendedahan berkaitan kepentingan sejarah tapak warisan arkeologi di

Dabong masih perlu diperkukuhkan melalui usaha pendidikan, interpretasi dan penyampaian maklumat yang lebih berkesan.




Rajah 4.5.2 (d) i: Akses internet membantu pengunjung mendapatkan maklumat serta menjejak lokasi tapak warisan arkeologi

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.2 (d) ii: Tapak ini penting untuk dipelihara dan dipulihara sebagai sebahagian daripada warisan negara

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.2 (d) iii: Tapak warisan arkeologi di Dabong mempunyai nilai sejarah yang tinggi

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.5.2 (e) Strategi Promosi Tapak Warisan Arkeologi Berdasarkan Potensi Arkeopelancongan

Dapatan menunjukkan majoriti responden berada dalam kategori tidak pasti (45.5%), manakala 58 responden (29.0%) tidak setuju, 37 (18.5%) setuju, 8 (4.0%) sangat setuju dan 6 (3.0%) sangat tidak setuju. Keputusan ini menunjukkan bahawa walaupun media sosial berpotensi sebagai medium penyampaian maklumat, masih terdapat kekeliruan atau kurang pendedahan mengenai keberkesanannya di kalangan pengunjung. Dalam pada masa yang sama, ini menekankan keperluan untuk memperbaiki strategi komunikasi melalui media sosial, termasuk penyampaian maklumat yang lebih jelas, menarik dan mesra pengguna agar pengunjung dapat memahami dan menghargai peranan


tapak arkeologi dengan lebih efektif. Rujuk Rajah 4.5.2 (e) i untuk maklumat lanjut.

Bagi aspek promosi, majoriti responden menunjukkan sokongan terhadap keberkesanan media sosial dalam menarik minat pelawat, dengan 73 responden (36.5%) setuju dan 12 responden (6.0%) sangat setuju. Walau bagaimanapun, sebahagian besar responden masih tidak pasti (42.0%), dan 31 responden (15.5%) tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa promosi melalui media sosial mempunyai potensi, tetapi kesannya masih belum jelas sepenuhnya kepada pengunjung. Lihat Rajah 4.5.2 (e) ii bagi pemahaman lebih jelas.

Bagi kemudahan maklumat, majoriti responden berada dalam kategori tidak pasti (53.0%), manakala 48 responden (24.0%) setuju, 37 (18.5%) tidak setuju, dan 9 (4.5%) sangat setuju. . Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun maklumat asas berkenaan tapak warisan arkeologi tersedia secara digital, tahap kefahaman pengunjung terhadap cara mengakses dan menggunakan maklumat tersebut masih belum menyeluruh. Kekeliruan ini mungkin berpunca daripada maklumat yang kurang tersusun, tidak lengkap, atau kurang mesra pengguna, menyebabkan pengunjung menghadapi kesukaran untuk merancang lawatan dengan berkesan. Perincian lanjut mengenai perkara ini boleh dilihat dalam Rajah 4.5.2 (e) iii di bawah.


Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa media sosial memainkan peranan penting sebagai medium penyampaian maklumat berkaitan tapak warisan arkeologi di Dabong dan mempunyai potensi untuk menarik minat pelawat. Walau bagaimanapun, tahap keberkesanan promosi melalui platform digital masih belum

sepenuhnya jelas kepada pengunjung, dan kemudahan memperoleh maklumat lokasi serta arahan melalui platform dalam talian masih boleh dipertingkatkan. Dapatan ini menegaskan keperluan untuk memperkukuhkan strategi promosi digital, memastikan maklumat disampaikan dengan lebih jelas dan memudahkan pengunjung mengakses tapak warisan arkeologi.




Rajah 4.5.2 (e) i: Media sosial berperanan sebagai medium utama penyampaian maklumat berkaitan tapak warisan arkeologi di Dabong

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.2 (e) ii: Promosi yang dijalankan melalui media sosial menarik minat pelawat untuk mengunjungi tapak warisan arkeologi di Dabong

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.2 (e) iii: Maklumat berkaitan lokasi serta arahan ke tapak warisan arkeologi mudah diperoleh melalui platform dalam talian

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.5.3 Cabaran Yang Dihadapi Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi Di Daerah Dabong, Kelantan

Bahagian ini pula membincangkan tentang cabaran yang dihadapi dalam pengurusan tapak arkeologi di Daerah Dabong, Kelantan dari segi aspek keselamatan, kemudahan, aksesibiliti, pendidikan dan promosi. Walaupun tapak-tapak arkeologi di kawasan ini mempunyai potensi yang tinggi untuk dibangunkan sebagai destinasi arkeopelancongan, pelbagai kekangan masih wujud dan perlu diberi perhatian serius oleh pihak pengurusan serta pihak berkepentingan. Setiap aspek ini dipecahkan kepada tiga elemen utama bagi membolehkan perbincangan yang lebih terperinci dan sistematik. Oleh itu, lima aspek utama bersama pecahan elemennya akan dinilai seperti berikut:

4.5.3 (a) Tahap Keselamatan Berdasarkan Cabaran Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi


Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa keadaan laluan yang berbahaya menjejaskan keselamatan pelawat ke tapak arkeologi. Seramai 105 responden (52.5%) bersetuju dan 30 responden (15.0%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Walau bagaimanapun, 56 responden (28.0%) berada dalam kategori tidak pasti, manakala hanya 6 responden (3.0%) tidak bersetuju dan 3 responden (1.5%) sangat tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa isu keselamatan fizikal laluan merupakan kebimbangan utama yang boleh menjejaskan tahap keyakinan pelawat untuk mengunjungi tapak arkeologi. Rujuk Rajah 4.5.3 (a) i di bawah.

Berdasarkan analisis, sebahagian besar responden mengakui wujudnya risiko kerosakan artifak atau tapak arkeologi akibat pencerobohan dan perbuatan vandalisme. Seramai 115 responden (57.5%) bersetuju dan 34 responden (17.0%) sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Sementara itu, 44 responden (22.0%) tidak pasti, dan hanya 7 responden (3.5%) tidak bersetuju. Dapatan ini jelas menunjukkan tahap kebimbangan yang tinggi terhadap aspek perlindungan fizikal dan pemuliharaan tapak arkeologi. Lihat Rajah 4.5.3 (a) ii bagi pemahaman lebih jelas.

Hasil kajian turut mendapati bahawa kawalan keselamatan di kawasan tapak arkeologi adalah tidak mencukupi. Seramai 95 responden (47.5%) bersetuju dan 31 responden (15.5%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Walaupun 69 responden (34.5%) berada dalam kategori tidak pasti, hanya 5 responden (2.5%) tidak bersetuju. Keadaan ini menunjukkan bahawa aspek kawalan keselamatan masih lemah dan memerlukan penambahbaikan bagi menjamin keselamatan pelawat serta kelestarian tapak arkeologi. Maklumat ini dapat dilihat di Rajah 4.5.3 (a) iii di bawah.


Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek keselamatan dan perlindungan tapak warisan arkeologi berada pada tahap yang membimbangkan. Majoriti responden bersetuju bahawa keadaan laluan yang berbahaya menjejaskan keselamatan pelawat, selain wujudnya risiko kerosakan artifak dan tapak arkeologi akibat pencerobohan serta perbuatan vandalisme. Di samping itu, kawalan keselamatan yang tidak mencukupi di kawasan tapak turut dikenal pasti sebagai isu utama. Situasi ini bukan sahaja boleh menjejaskan keselamatan pelawat, malah berpotensi mengancam kelestarian dan nilai warisan tapak arkeologi. Oleh itu, langkah penambahbaikan yang menyeluruh melibatkan penyediaan laluan yang selamat, pengukuhan kawalan keselamatan serta pemantauan

berterusan amat diperlukan bagi memastikan tapak warisan arkeologi dapat dipelihara dan dikunjungi secara selamat serta lestari.




Rajah 4.5.3 (a) i: Keadaan laluan yang berbahaya menjejaskan keselamatan pelawat

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.3 (a) ii: Risiko kerosakan artifak atau tapak arkeologi akibat pencerobohan dan perbuatan vandalisme

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.3 (a) iii: Kawasan tapak arkeologi tidak dilengkapi dengan kawalan keselamatan yang mencukupi.

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.5.3 (b) Kemudahan Asas berdasarkan Cabaran Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi


Dapatan kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar responden bersetuju bahawa kemudahan asas berdekatan tapak warisan arkeologi adalah tidak mencukupi. Seramai 96 responden (48.0%) bersetuju dan 30 responden (15.0%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Sementara itu, 68 responden (34.0%) berada dalam kategori tidak pasti, manakala hanya 6 responden (3.0%) tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa isu kekurangan kemudahan asas masih menjadi cabaran utama yang boleh menjejaskan keselesaan dan kepuasan pengunjung. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Rajah 4.5.3 (b) i.

Hasil analisis mendapati majoriti responden berpendapat bahawa pusat informasi atau pameran sejarah tidak berfungsi dengan berkesan. Seramai 85 responden (42.5%) bersetuju dan 34 responden (17.0%) sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Walau bagaimanapun, 75 responden (37.5%) menyatakan tidak pasti, manakala hanya 6 responden (3.0%) tidak bersetuju. Keadaan ini menunjukkan bahawa keberkesanan penyampaian maklumat sejarah masih kurang jelas dan memerlukan penambahbaikan. Analisis ini disokong oleh Rajah 4.5.3 (b) ii.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa kekurangan papan arah yang jelas ke tapak warisan arkeologi merupakan satu isu yang ketara. Seramai 89 responden (44.5%) bersetuju dan 33 responden (16.5%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Sementara itu, 69 responden (34.5%) berada dalam kategori tidak pasti, dan hanya 8 responden (4.0%) tidak bersetuju. Dapatan ini menggambarkan bahawa aspek papan penunjuk arah masih lemah dan boleh menyukarkan akses pengunjung ke tapak warisan arkeologi. Maklumat ini dapat dilihat di Rajah 4.5.3 (b) iii.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek kemudahan di tapak warisan arkeologi masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Majoriti responden bersetuju bahawa ketiadaan kemudahan asas berdekatan tapak, ketidakberkesanan pusat informasi atau pameran sejarah serta kekurangan papan arah yang jelas merupakan isu utama yang menjejaskan pengalaman pengunjung. Tahap ketidakpastian yang agak tinggi dalam kalangan responden turut menunjukkan kelemahan dari segi penyediaan dan penyampaian kemudahan serta maklumat di tapak. Keadaan ini berpotensi mengurangkan tahap keselesaan, kefahaman dan minat pengunjung terhadap tapak warisan arkeologi. Oleh itu, penambahbaikan kemudahan asas, pemantapan fungsi pusat informasi dan penyediaan

papan arah yang jelas perlu diberi keutamaan bagi meningkatkan aksesibiliti, kualiti lawatan dan pembangunan arkeopelancongan secara lestari.




Rajah 4.5.3 (b) i: Ketidadaan kemudahan asas berdekatan tapak warisan arkeologi

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.3 (b) ii: Pusat informasi atau pameran yang memaparkan sejarah tapak warisan arkeologi tidak berfungsi dengan berkesan

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.3 (b) iii: Kekurangan papan arah yang jelas ke tapak warisan arkeologi

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.5.3 (c) Tahap Aksesibiliti Tapak Warisan Arkeologi Berdasarkan Cabaran Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi


Analisis menunjukkan bahawa seramai 85 responden (42.5%) berada dalam kategori tidak pasti, manakala 68 responden (34.0%) bersetuju dan 24 responden (12.0%) sangat bersetuju bahawa kos perjalanan ke tapak warisan arkeologi adalah tinggi. Sebaliknya, 22 responden (11.0%) tidak bersetuju dan 1 responden (0.5%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Tahap ketidakpastian yang tinggi menunjukkan bahawa kos perjalanan mungkin berbeza mengikut lokasi, kaedah pengangkutan dan latar belakang pelawat.

Berdasarkan analisis, sebahagian besar responden mengakui kesukaran mendapatkan pengangkutan awam ke tapak warisan arkeologi. Seramai 81 responden (40.5%) bersetuju dan 30 responden (15.0%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini.

Walau bagaimanapun, 82 responden (41.0%) berada dalam kategori tidak pasti, manakala hanya 7 responden (3.5%) tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa isu ketersediaan pengangkutan awam merupakan satu cabaran terbesar yang boleh menjejaskan tahap aksesibiliti pelawat.


Hasil kajian mendapati majoriti besar responden bersetuju bahawa tapak warisan arkeologi tidak dapat diakses pada musim tertentu. Seramai 89 responden (44.5%) sangat bersetuju dan 74 responden (37.0%) bersetuju dengan pernyataan ini. Sementara itu, 36 responden (18.0%) menyatakan tidak pasti, dan hanya 1 responden (0.5%) tidak bersetuju. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa faktor cuaca seperti musim tengkujuh, memberi kesan ketara terhadap kebolehcapaian tapak warisan arkeologi di Dabong.

Secara keseluruhan, hasil kajian menunjukkan bahawa aspek aksesibiliti ke tapak warisan arkeologi masih berdepan dengan beberapa kekangan utama. Isu kos perjalanan yang dianggap tinggi oleh sebahagian responden, kesukaran mendapatkan pengangkutan awam serta keterbatasan akses ke tapak pada musim tertentu dikenal pasti sebagai faktor yang menjejaskan kebolehcapaian pelawat. Tahap ketidakpastian yang tinggi dalam kalangan responden turut menunjukkan ketidakseragaman pengalaman lawatan serta kekurangan maklumat yang jelas berkaitan akses ke tapak. Keadaan ini berpotensi mengurangkan minat kunjungan dan menjejaskan pembangunan arkeopelancongan secara lestari. Oleh itu, penambahbaikan dari segi perancangan kos, penyediaan pengangkutan awam yang lebih sistematik serta pengurusan akses bermusim perlu diberi perhatian bagi meningkatkan tahap aksesibiliti dan pengalaman pelawat ke tapak warisan arkeologi.




Rajah 4.5.3 (c) i: Kos perjalanan ke tapak warisan arkeologi yang tinggi

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.3 (c) ii: Pengangkutan awam ke tapak warisan arkeologi sukar diperoleh

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.3 (c) iii: Tapak warisan arkeologi tidak dapat diakses pada musim tertentu


(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.5.3 (d) Pendidikan Dan Kesedaran Berdasarkan Cabaran Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi

Berdasarkan dapatan kajian, majoriti responden bersetuju bahawa tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan warisan arkeologi masih rendah. Seramai 96 orang responden (48.0%) menyatakan setuju dan 43 orang responden (21.5%) sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Walau bagaimanapun, 54 orang responden (27.0%) berada dalam kategori tidak pasti, manakala hanya 7 orang responden (3.5%) tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat terhadap kepentingan warisan arkeologi masih belum kukuh dan memerlukan usaha pendidikan serta pendedahan yang lebih berkesan.


Hasil kajian mendapati bahawa aktiviti pelancongan di Dabong lebih banyak tertumpu kepada tarikan alam semula jadi berbanding tapak arkeologi. Seramai 88 orang responden (44.0%) bersetuju dan 42 orang responden (21.0%) sangat setuju dengan pernyataan ini. Sementara itu, 64 orang responden (32.0%) berada dalam kategori tidak pasti. Hanya sebilangan kecil responden tidak bersetuju, iaitu 5 orang (2.5%) tidak setuju dan 1 orang (0.5%) sangat tidak setuju. Keadaan ini menunjukkan bahawa tapak arkeologi masih kurang diketengahkan sebagai produk pelancongan utama berbanding pelancongan berasaskan alam semula jadi.

Berdasarkan dapatan kajian, isu ketiadaan latihan khusus kepada pemandu pelancongan berkaitan sejarah dan kepentingan arkeologi di Dabong menunjukkan tahap kefahaman yang masih tidak menyeluruh dalam kalangan responden. Seramai 96 orang responden (48.0%) berada dalam kategori tidak pasti terhadap pernyataan tersebut. Walau bagaimanapun, sebahagian besar responden menunjukkan kecenderungan bersetuju, iaitu 76 orang responden (38.0%) menyatakan setuju dan 22 orang responden (11.0%) sangat setuju bahawa latihan khusus masih belum disediakan. Sebaliknya, hanya 6 orang responden (3.0%) tidak setuju dengan pernyataan ini.




Rajah 4.5.3 (d) i: Tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan warisan arkeologi masih rendah

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.3 (d) ii: Aktiviti pelancongan di Dabong lebih tertumpu kepada tarikan alam semula jadi berbanding tapak arkeologi

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.3 (d) iii: Tiada latihan khusus disediakan kepada pemandu pelancongan berkaitan sejarah dan kepentingan arkeologi di Dabong

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

Secara ringkas, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan warisan arkeologi di Dabong masih rendah, manakala pembangunan pelancongan pula lebih tertumpu kepada tarikan alam semula jadi berbanding tapak arkeologi. Selain itu, ketiadaan latihan khusus kepada pemandu pelancongan berkaitan sejarah dan kepentingan arkeologi turut dikenal pasti sebagai kelemahan utama dalam pengurusan dan pembangunan arkeopelancongan. Oleh itu, usaha peningkatan kesedaran, pemerkasaan sumber manusia serta penstrukturan semula strategi pelancongan warisan perlu diberi perhatian bagi memastikan pemeliharaan dan pembangunan tapak arkeologi dapat dilaksanakan secara lestari.

4.5.3 (e) Strategi Promosi Tapak Warisan Arkeologi Berdasarkan Cabaran Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi

Berdasarkan dapatan kajian, majoriti responden berpandangan bahawa tahap promosi mengenai kewujudan tapak arkeologi di Dabong masih rendah. Seramai 100 orang responden (50.0%) menyatakan setuju dan 39 orang responden (19.5%) sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Walau bagaimanapun, 55 orang responden (27.5%) berada dalam kategori tidak pasti, manakala hanya 6 orang responden (3.0%) tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa usaha promosi berkaitan tapak arkeologi di Dabong masih belum dilaksanakan secara meluas dan berkesan.

Hasil kajian turut mendapati bahawa promosi pelancongan di Dabong lebih menonjolkan tarikan berasaskan alam semula jadi berbanding tapak arkeologi. Seramai 97 orang responden (48.5%) bersetuju dan 37 orang responden (18.5%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini. Sementara itu, 52 orang responden (26.0%) berada dalam kategori tidak pasti. Hanya 5 orang responden (2.5%) tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Keadaan ini mencerminkan bahawa tapak arkeologi masih kurang diberikan penekanan dalam strategi promosi pelancongan berbanding produk pelancongan alam semula jadi.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa program berkaitan arkeologi di Dabong masih belum dilaksanakan secara konsisten. Seramai 94 orang responden (47.0%) menyatakan setuju dan 39 orang responden (19.5%) sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Walau bagaimanapun, 65 orang responden (32.5%) berada dalam kategori tidak pasti, manakala hanya 3 orang responden (1.5%) tidak setuju. Dapatan ini menunjukkan bahawa aktiviti dan program arkeologi yang bersifat berterusan masih kurang dianjurkan,

sekali gus menjejaskan tahap pendedahan serta penglibatan masyarakat dan pengunjung terhadap warisan arkeologi di Dabong.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek promosi tapak arkeologi di Dabong masih berada pada tahap yang rendah dan kurang berkesan. Promosi pelancongan lebih tertumpu kepada tarikan alam semula jadi, menyebabkan tapak arkeologi kurang menonjol sebagai produk pelancongan utama. Selain itu, ketiadaan program arkeologi yang dilaksanakan secara konsisten turut menyumbang kepada tahap pendedahan dan penglibatan masyarakat serta pengunjung yang terhad. Keadaan ini menandakan keperluan kepada strategi promosi yang lebih bersepadu dan berterusan bagi meningkatkan kesedaran, minat dan nilai komersial tapak arkeologi di Dabong.



Rajah 4.5.3 (e) i: Tahap promosi mengenai kewujudan tapak arkeologi di Dabong masih rendah

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.3 (e) ii: Pengunjung lebih tertarik kepada promosi pelancongan berasaskan alam semula jadi berbanding tapak arkeologi di Dabong

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)



Rajah 4.5.3 (e) iii: Ketiadaan program berkaitan arkeologi yang dijalankan secara konsisten

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

4.6 Rumusan Potensi Tapak Arkeologi di Daerah Dabong, Kelantan Sebagai Destinasi Arkeopelancongan yang Lestari.

Pernyataan	Purata	Sisihan Piawai
Kawasan tapak arkeologi di Dabong selamat untuk dikunjungi	3.03	0.86
Terdapat papan tanda keselamatan di kawasan tapak	2.87	0.79
Pihak pengurusan menyediakan kawalan keselamatan yang mencukupi	2.83	0.81
Kemudahan asas di tapak diselenggara dengan baik	2.86	0.82
Papan maklumat yang disediakan jelas dan mudah difahami	2.91	0.80
Tapak ini menyediakan pelbagai kemudahan asas	3.02	0.83
Tapak arkeologi mudah diakses	2.95	0.85
Terdapat pengangkutan awam untuk ke tapak arkeologi	2.83	0.78
Akses internet membantu pengunjung mencari tapak arkeologi	2.99	0.84
Tapak ini sesuai dijadikan pusat pembelajaran tentang sejarah, warisan dan budaya	4.06	0.87
Tapak ini penting untuk dipelihara sebagai warisan negara	4.10	0.87
Tapak arkeologi di Dabong mempunyai nilai sejarah yang tinggi	3.57	0.94
Saya mengetahui tentang tapak arkeologi di Dabong melalui promosi di media sosial	2.99	0.83
Promosi yang dijalankan melalui media sosial berjaya menarik minat pelawat	3.33	0.81
Maklumat lokasi dan arahan ke tapak mudah dicari secara dalam talian.	3.16	0.77

Jadual 4.6: Dapatan Kajian Tentang Potensi Tapak Arkeologi di Daerah Dabong, Kelantan Sebagai Destinasi Arkeopelancongan yang Lestari

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap aspek keselamatan, kemudahan dan aksesibiliti tapak arkeologi di Dabong berada pada tahap sederhana, dengan nilai purata kebanyakannya antara 2.83 hingga 3.03. Hal ini menunjukkan bahawa responden masih kurang pasti atau berbelah bahagi terhadap keberkesanan kemudahan keselamatan, penyelenggaraan kemudahan asas, papan maklumat serta kemudahan pengangkutan awam ke tapak arkeologi tersebut. Nilai sisihan piawai yang sederhana (sekitar 0.78 hingga 0.86) pula menunjukkan wujudnya kepelbagaian pandangan dalam kalangan responden terhadap aspek-aspek tersebut.

Bagi aspek pendidikan dan promosi, dapatan turut menunjukkan tahap sederhana apabila purata berkaitan peranan media sosial, akses internet dan maklumat lokasi berada sekitar 2.99 hingga 3.33. Keadaan ini menandakan bahawa usaha promosi dan penyampaian maklumat dan kesedaran masih belum sepenuhnya berkesan dalam menarik minat dan meningkatkan kesedaran pelawat terhadap tapak arkeologi di Dabong.

Sebaliknya, aspek nilai warisan dan kepentingan tapak mencatatkan nilai purata yang tinggi, khususnya pernyataan bahawa tapak ini penting untuk dipelihara sebagai warisan negara (min = 4.10) dan sesuai dijadikan pusat pembelajaran sejarah, warisan dan budaya (min = 4.06). Ini menunjukkan tahap kesedaran dan pengiktirafan yang tinggi dalam kalangan responden terhadap nilai sejarah serta kepentingan pemeliharaan tapak arkeologi di Dabong, walaupun aspek fizikal dan pengurusan tapak masih memerlukan

penambahbaikan.

4.7 Rumusan Cabaran Dalam Pembangunan Arkeopelancongan Di Tapak Daerah Dabong, Kelantan.

Pernyataan	Purata	Sisihan Piawai
Keadaan laluan yang berbahaya menjejaskan keselamatan pelawat	3.76	0.79
Risiko kerosakan artifak atau tapak akibat pencerobohan atau vandalisme	3.86	0.77
Kawasan tapak arkeologi tidak mempunyai kawalan keselamatan yang mencukupi	3.74	0.77
Ketiadaan kemudahan asas berdekatan tapak arkeologi	3.78	0.83
Pusat informasi/pameran yang menceritakan sejarah tapak tidak berfungsi	3.76	0.86
Kurang papan arah yang jelas ke tapak arkeologi	3.73	0.85
Kos perjalanan yang tinggi	3.36	0.96
Sukar untuk mendapatkan pengangkutan awam	3.64	0.88
Tapak tidak boleh diakses pada musim tertentu	4.27	0.79
Tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan warisan arkeologi masih kurang	3.90	0.82
Aktiviti pelancongan di Dabong lebih tertumpu kepada alam semula jadi berbanding tapak arkeologi	3.82	0.84
Tiada latihan khusus untuk pemandu pelancong tentang sejarah arkeologi di Dabong	3.57	0.83

Promosi tentang kewujudan tapak arkeologi di Dabong masih rendah	3.85	0.81
Pengunjung lebih tertarik dengan promosi alam semula jadi berbanding tapak arkeologi di Dabong	3.82	0.84
Ketiadaan program berkaitan dengan arkeologi yang dijalankan secara konsisten	3.85	0.85

**Jadual 4.7: Dapatan Kajian Tentang Cabaran dalam Pembangunan
Arkeopelancongan di Tapak Daerah Dabong, Kelantan**

(Sumber: Kajian Lapangan, 2025)

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa wujud pelbagai cabaran yang menjejaskan pengurusan dan pembangunan tapak arkeologi di Dabong. Hal ini dapat dilihat melalui nilai purata yang kebanyakannya berada pada tahap sederhana tinggi hingga tinggi (min antara 3.36 hingga 4.27), menandakan tahap persetujuan yang jelas terhadap pernyataan cabaran yang dikemukakan.

Antara cabaran paling ketara ialah isu aksesibiliti bermusim, di mana pernyataan bahawa tapak tidak boleh diakses pada musim tertentu mencatatkan nilai purata tertinggi (min = 4.27). Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor persekitaran dan keadaan laluan memberi kesan besar terhadap kebolehcapaian serta keselamatan pelawat. Selain itu, isu berkaitan keselamatan tapak, termasuk keadaan laluan yang berbahaya, ketiadaan kawalan keselamatan yang mencukupi serta risiko pencerobohan dan vandalisme, turut mencatatkan nilai purata yang tinggi, ini menggambarkan kebimbangan serius dalam kalangan responden terhadap perlindungan tapak dan artifak arkeologi.

Dapatan kajian juga menunjukkan kekangan dari segi kemudahan dan sokongan infrastruktur seperti ketiadaan kemudahan asas berhampiran tapak, pusat informasi atau pameran yang tidak berfungsi dengan berkesan serta kekurangan papan arah yang jelas. Di samping itu, masalah kesukaran mendapatkan pengangkutan awam dan kos perjalanan yang tinggi, turut dikenal pasti sebagai faktor yang menyukarkan lawatan ke tapak arkeologi.

Dari sudut promosi dan kesedaran, responden bersetuju bahawa tahap promosi tapak arkeologi di Dabong masih rendah dan aktiviti pelancongan lebih tertumpu kepada alam semula jadi berbanding warisan arkeologi. Kekurangan program berkaitan arkeologi yang dijalankan secara konsisten serta ketiadaan latihan khusus untuk pemandu pelancong turut dikenal pasti sebagai kekangan utama dalam usaha meningkatkan pemahaman dan minat pelawat terhadap nilai arkeologi di Dabong. Secara keseluruhan, dapatan ini menegaskan keperluan kepada pendekatan pengurusan yang lebih menyeluruh bagi menangani cabaran keselamatan, kemudahan, aksesibiliti serta promosi demi memastikan kelestarian tapak arkeologi di Dabong.

4.8 Rumusan

Secara keseluruhan, dapatan kajian berkaitan persepsi responden terhadap tahap pengurusan, kemudahan, keselamatan, aksesibiliti serta cabaran pembangunan tapak arkeologi di Dabong. Hasil analisis menunjukkan bahawa aspek kemudahan asas, keselamatan, akses maklumat dan promosi berada pada tahap sederhana, mencerminkan keadaan tapak yang masih belum dibangunkan secara menyeluruh dan memerlukan

penambahbaikan berterusan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian memperlihatkan tahap kesedaran dan pengiktirafan yang tinggi terhadap nilai sejarah dan kepentingan pemeliharaan tapak arkeologi di Dabong sebagai warisan negara serta potensinya sebagai pusat pembelajaran sejarah, warisan dan budaya. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat menyedari kepentingan tapak arkeologi, namun pelaksanaan dari segi pengurusan fizikal, kemudahan sokongan dan promosi masih belum mencapai tahap yang memuaskan.

Selain itu, kajian ini turut mengenal pasti pelbagai cabaran utama yang menjejaskan pembangunan arkeopelancongan di Dabong, termasuk isu aksesibiliti bermusim, kekurangan kawalan keselamatan, risiko vandalisme, ketiadaan kemudahan asas, kelemahan pusat informasi, kekangan pengangkutan awam serta tahap promosi yang rendah. Aktiviti pelancongan yang lebih tertumpu kepada alam semula jadi berbanding warisan arkeologi juga dikenal pasti sebagai faktor yang mengehadkan pendedahan dan minat pelawat terhadap tapak arkeologi.

Kesimpulannya, dapatan keseluruhan bab ini menegaskan bahawa tapak arkeologi di Dabong mempunyai potensi arkeopelancongan yang tinggi, namun memerlukan perancangan yang lebih sistematik dan kerjasama bersepadu antara pihak berkepentingan bagi meningkatkan aspek keselamatan, kemudahan, aksesibiliti serta promosi. Penemuan ini seterusnya menjadi asas penting kepada perbincangan dan cadangan penambahbaikan yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan rumusan, implikasi, cadangan serta kesimpulan kajian berdasarkan dapatan yang telah diperolehi. Selain itu, bab ini turut memberikan gambaran menyeluruh tentang keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Pada setiap bahagian dalam bab ini diuraikan dan dibincangkan mengikut keperluan kajian, khususnya yang berkaitan dengan pengurusan tapak arkeologi bagi potensi pembangunan arkeopelancongan di Daerah Dabong, Kelantan.

5.2 Rumusan Objektif Pertama: Menganalisis Potensi Tapak Arkeologi Di Daerah Dabong, Kelantan Sebagai Destinasi Arkeopelancongan Yang Lestari

Bagi hasil kajian objektif pertama, ia melalui kaedah pemerhatian, edaran borang soal selidik dan temu bual bersama empat orang informan yang terdiri daripada pemandu pelancong (*tour guide*) iaitu Encik Mohd Norisapandi Bin Muhammad Salleh, pengusaha Kedai makan Teh O' Beng Samah iaitu Puan Umi Natasha Binti Khor, Pensyarah yang pakar dalam bidang iaitu DR. Daeng Haliza Binti Daeng Jamal dan wakil daripada Majlis Daerah Dabong iaitu Encik Hasram Bin Mohamed Hassan. Jumlah soal temu bual yang diajukan adalah berbeza kerana mengikut kepakaran, pengetahuan dan pengalaman informan. Manakala bagi objektif kajian yang pertama, borang soal selidik yang disediakan mengandungi sebanyak 15 soalan yang merangkumi lima aspek utama, iaitu keselamatan, kemudahan, aksesibiliti, pendidikan dan promosi. Kemudian setiap aspek utama dipecahkan kepada tiga elemen yang lebih

kecil.

Rumusannya, masih terdapat banyak kemudahan dan aspek keselamatan yang perlu dinaik taraf agar pengurusan tapak arkeologi menjadi lebih sistematik dan mesra pengunjung. Di samping itu, tahap kesedaran masyarakat setempat terhadap kepentingan menjaga dan memelihara tapak arkeologi di Dabong juga perlu terus dipertingkatkan. Kesedaran ini penting bagi memastikan tapak warisan tidak terdedah kepada kerosakan, pencerobohan atau aktiviti yang boleh menjejaskan nilai sejarah dan arkeologinya.

Kerjasama yang erat antara pihak kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan masyarakat setempat merupakan elemen penting dalam usaha pemeliharaan tapak arkeologi. Pihak kerajaan berperanan dalam menyediakan dasar, peruntukan kewangan serta pemantauan yang berterusan, manakala masyarakat setempat pula berperanan sebagai penjaga dan pemantau awal tapak warisan di kawasan mereka. Melalui penglibatan bersama ini, usaha pemuliharaan bukan sahaja dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, malah mampu mewujudkan rasa tanggungjawab dan kepunyaan dalam kalangan masyarakat terhadap tapak arkeologi yang terdapat di Dabong. Masyarakat bukan sahaja berperanan sebagai penerima manfaat daripada pembangunan arkeopelancongan, malah sebagai rakan strategik dalam menjaga dan memelihara tapak warisan. Penglibatan masyarakat dalam bentuk pengawasan, penyelenggaraan asas dan penyertaan dalam aktiviti pelancongan berasaskan komuniti dapat membantu memastikan kelestarian tapak arkeologi untuk jangka masa panjang.

Secara keseluruhannya, pengurusan tapak arkeologi yang berkesan memerlukan pendekatan menyeluruh yang melibatkan peningkatan kemudahan dan keselamatan,

pemupukan kesedaran masyarakat serta kerjasama berterusan antara kerajaan dan komuniti setempat bagi memastikan kelestarian warisan arkeologi untuk generasi akan datang.

5.3 Rumusan Objektif Kedua: Menilai Cabaran Dalam Pembangunan Arkeopelancongan Di Tapak Daerah Dabong, Kelantan

Bagi dapatan kajian untuk objektif kedua, ia telah melalui kaedah yang sama dengan objektif pertama iaitu pemerhatian lapangan, pengedaran borang soal selidik dan temu bual bersama empat orang informan yang berkaitan dengan pengurusan tapak arkeologi di Daerah Dabong, Kelantan. Borang soal selidik dan temu bual menumpukan kepada cabaran yang dihadapi dalam pembangunan arkeopelancongan, termasuk kekangan dari segi kemudahan asas, keselamatan pengunjung, aksesibiliti tapak, serta tahap pendidikan dan kesedaran serta promosi. Kemudian 5 aspek utama tersebut dipecahkan kepada 3 elemen yang lebih kecil dan jelas.

Hasil dapatan menunjukkan bahawa pembangunan arkeopelancongan di Dabong menghadapi beberapa cabaran utama. Antaranya ialah kekurangan kemudahan pelancongan yang lengkap, laluan yang kurang selamat, serta kekangan dalam penyampaian maklumat kepada pengunjung. Selain itu, tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan tapak warisan masih berbeza-beza, manakala penglibatan aktif mereka dalam menjaga tapak juga bergantung kepada program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan agensi berkaitan.

Kesemua cabaran ini menunjukkan bahawa pembangunan arkeopelancongan memerlukan pendekatan menyeluruh yang bukan sahaja menumpukan kepada peningkatan

infrastruktur dan keselamatan, tetapi juga memperkukuhkan kerjasama antara kerajaan dan komuniti setempat. Kerjasama ini penting bagi memastikan tapak arkeologi dapat dipelihara dengan baik sambil memanfaatkan potensi pelancongan secara lestari.

Rumusannya, kesemua cabaran ini menekankan bahawa pembangunan arkeopelancongan memerlukan pendekatan holistik, yang merangkumi penambahbaikan kemudahan, keselamatan, promosi serta pengukuhan kesedaran masyarakat. Kerjasama berterusan antara kerajaan, agensi berkaitan dan komuniti setempat adalah penting untuk memastikan pembangunan arkeopelancongan berjalan dengan lancar, selamat, dan berdaya saing sambil mengekalkan kelestarian tapak warisan.

Justeru, ketiadaan kemudahan berdekatan juga memberi cabaran kepada pengurusan tapak kerana memerlukan penyelenggaraan lebih intensif dan pemantauan keselamatan yang lebih kerap. Oleh itu, pembangunan kemudahan berdekatan tapak arkeologi perlu dirancang dengan teliti, mengambil kira aspek keselamatan, aksesibiliti dan keselesaan pengunjung serta mengekalkan integriti dan kelestarian tapak.

5.4 Rumusan Objektif Tiga: Mencadangkan Strategi Pengurusan Pembangunan Arkeopelancongan Di Daerah Dabong, Kelantan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembangunan arkeopelancongan di Dabong memerlukan pendekatan yang sistematik dan bersepadu, dengan penekanan kepada aspek pengurusan tapak, kemudahan infrastruktur, promosi serta penglibatan pihak berkepentingan. Strategi yang dicadangkan termasuklah penetapan pihak bertanggungjawab yang jelas bagi memastikan setiap langkah pengurusan dapat

dilaksanakan secara cekap dan berkesan, selain meningkatkan penyelarasan antara agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan komuniti setempat.

Selain itu, penambahbaikan kemudahan asas dan infrastruktur seperti jalan raya, papan tanda maklumat, tandas awam dan pusat informasi pelancong juga merupakan elemen penting untuk meningkatkan keselesaan, keselamatan, dan pengalaman pengunjung. Infrastruktur yang terancang bukan sahaja memudahkan akses dan penyampaian maklumat, malah menyokong pelaksanaan pengurusan tapak secara berkesan serta pembangunan arkeopelancongan yang mampan.

Akhir sekali, strategi promosi dan penyediaan maklumat yang berkesan melalui media sosial atau pusat informasi turut dapat menarik minat pelawat dan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap nilai warisan arkeologi. Gabungan pendekatan pengurusan yang cekap, penyediaan kemudahan yang mencukupi dan strategi promosi yang berkesan diyakini dapat menyokong pembangunan arkeopelancongan di Dabong secara sistematik, mampan, dan memberi manfaat kepada semua pihak berkepentingan.

5.5 Implikasi

Kajian ini telah memberi gambaran yang menyeluruh mengenai pengurusan dan pembangunan tapak arkeologi di Daerah Dabong, Kelantan. Implikasinya, dapatan kajian menunjukkan bahawa penambahbaikan kemudahan dan aspek keselamatan di tapak adalah amat penting untuk meningkatkan pengalaman pelawat dan memastikan tapak dapat dikekalkan secara lestari. Selain itu, tahap kesedaran masyarakat dan penglibatan mereka dalam pemeliharaan tapak warisan memainkan peranan penting

dalam memastikan usaha pembangunan arkeopelancongan berjaya. Kerjasama antara kerajaan, agensi berkaitan dan komuniti setempat juga terbukti kritikal untuk menangani cabaran dalam pembangunan tapak arkeologi serta memanfaatkan potensi ekonomi, pendidikan dan budaya tapak secara optimum.

5.5.1 Potensi Tapak Arkeologi Di Daerah Dabong, Kelantan Sebagai Destinasi Arkeopelancongan Yang Lestari.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa potensi tapak arkeologi di Daerah Dabong mempunyai implikasi yang signifikan terhadap pembangunan arkeopelancongan secara lestari. Pertama, peningkatan kemudahan dan keselamatan di tapak arkeologi boleh meningkatkan pengalaman pelawat dan menarik lebih ramai pengunjung, seterusnya memberi impak positif kepada ekonomi tempatan.

Kedua, penglibatan aktif masyarakat setempat dalam penjagaan dan pemeliharaan tapak warisan memberi implikasi terhadap pembentukan kesedaran kolektif serta tanggungjawab sosial, sekaligus memastikan kelestarian tapak untuk generasi akan datang.

Ketiga, kerjasama antara kerajaan, agensi berkaitan dan komuniti tempatan menunjukkan bahawa pembangunan arkeopelancongan bukan sahaja memerlukan infrastruktur dan kemudahan fizikal, tetapi juga strategi pengurusan yang menyeluruh dan berpandangan jauh. Implikasi ini menekankan kepentingan perancangan bersepadu yang menggabungkan aspek pendidikan, budaya, keselamatan, dan pembangunan ekonomi dalam usaha menjadikan tapak arkeologi sebagai destinasi

arkeopelancongan yang lestari.

Keempat, pemanfaatan potensi tapak arkeologi secara lestari dapat menimbulkan kesedaran tentang kepentingan warisan sejarah dan budaya, sekaligus mengukuhkan identiti tempatan dan meningkatkan nilai sosio-ekonomi komuniti di Dabong.

5.5.2 Cabaran Dalam Pembangunan Arkeopelancongan Di Tapak Daerah Dabong, Kelantan.

Cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pembangunan arkeopelancongan di Dabong mempunyai implikasi yang penting terhadap kelestarian tapak arkeologi. Pertama, kekangan dana atau kewangan memberi implikasi bahawa pelaksanaan projek pembangunan, penambahbaikan kemudahan dan penyelenggaraan tapak sukar dilaksanakan secara optimum.

Kedua, kekurangan kemudahan asas di tapak, seperti laluan selamat, papan tanda maklumat, tempat rehat, tandas awam dan kemudahan lain di sekitar Gua Keris, menjejaskan pengalaman pengunjung serta mengurangkan daya tarikan tapak sebagai destinasi arkeopelancongan. Penambahbaikan kemudahan ini amat penting bagi memastikan pengunjung dapat menikmati lawatan dengan selesa dan selamat, sambil mengekalkan nilai sejarah dan warisan tapak tersebut.

Ketiga, isu keselamatan di tapak arkeologi menekankan keperluan pemantauan dan penyelenggaraan berterusan bagi memastikan risiko kemalangan dapat diminimumkan. Tapak arkeologi seperti Gua Keris dan kawasan sekitarnya mempunyai ciri fizikal yang

berisiko, termasuk laluan sempit, permukaan berbatu, dan kawasan yang licin apabila hujan. Kekurangan langkah keselamatan boleh menjejaskan pengalaman pengunjung serta menimbulkan tanggungan undang-undang kepada pengurusan tapak. Implikasi daripada cabaran ini menunjukkan bahawa pihak pengurusan perlu merancang strategi keselamatan yang menyeluruh, termasuk penempatan papan tanda amaran, laluan khas untuk pelawat, pemantauan secara berkala, dan penyelenggaraan infrastruktur secara berterusan. Langkah-langkah ini bukan sahaja dapat melindungi pengunjung tetapi juga membantu mengekalkan integriti fizikal tapak arkeologi dan memastikan tapak boleh diakses secara lestari tanpa menjejaskan nilai warisannya.

Keempat, tahap kesedaran masyarakat yang berbeza-beza terhadap kepentingan pemeliharaan tapak arkeologi memberi implikasi bahawa tanpa penglibatan aktif komuniti, usaha pembangunan arkeopelancongan mungkin tidak mencapai hasil yang optimum. Masyarakat setempat memainkan peranan penting sebagai penjaga pertama tapak warisan, kerana mereka berada paling dekat dengan tapak dan lebih mudah mengesan sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan tapak. Kekurangan kesedaran atau penglibatan aktif boleh menyebabkan berlaku vandalisme, pengabaian tapak, atau kegiatan lain yang menjejaskan nilai sejarah dan budaya. Implikasi ini menekankan kepentingan program pendidikan, kesedaran, dan penglibatan komuniti yang berterusan, seperti bengkel warisan, lawatan sambil belajar, dan pelibatan masyarakat dalam aktiviti pemantauan tapak. Dengan penglibatan aktif komuniti, usaha pemeliharaan tapak bukan sahaja menjadi tanggungjawab bersama tetapi juga dapat meningkatkan rasa kepunyaan terhadap tapak, seterusnya menyokong pembangunan arkeopelancongan yang lestari di Dabong.

Secara keseluruhan, implikasi daripada cabaran-cabaran ini menunjukkan bahawa

pembangunan arkeopelancongan di Dabong memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan peningkatan dana, kemudahan fizikal, keselamatan, serta pengukuhan kesedaran dan penglibatan masyarakat bagi memastikan tapak arkeologi dapat dimanfaatkan secara lestari.

5.5.3 Strategi Pengurusan Pembangunan Arkeopelancongan Di Daerah Dabong, Kelantan.

Strategi pengurusan pembangunan arkeopelancongan di Dabong mempunyai implikasi yang penting terhadap kelestarian tapak arkeologi. Pertama, strategi ini menekankan pemeliharaan tapak arkeologi secara sistematik dan berterusan, yang membolehkan nilai sejarah dan budaya dikekalkan untuk generasi akan datang. Langkah-langkah seperti penyelenggaraan tapak, pemantauan aktiviti pelancongan, dan penyediaan papan maklumat yang jelas dapat mengurangkan risiko kerosakan serta memastikan pengalaman pelawat tetap informatif dan berpendidikan.

Kedua, strategi ini memberi impak positif terhadap pembangunan ekonomi dan pelancongan setempat. Dengan peningkatan bilangan pengunjung, komuniti tempatan berpeluang memperoleh manfaat melalui peluang pekerjaan, perniagaan kecil, dan penyertaan dalam aktiviti pelancongan. Keberkesanan strategi ini menyokong pertumbuhan ekonomi setempat serta mengekalkan pembangunan pelancongan yang lestari.

Akhirnya, penglibatan aktif semua pihak berkepentingan, termasuk pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, komuniti setempat, dan agensi bukan kerajaan meningkatkan

kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan warisan budaya. Implikasi ini menekankan kepentingan kerjasama, di mana setiap pihak bertanggungjawab menjaga tapak arkeologi sambil memastikan pembangunan arkeopelancongan berjalan secara lestari, dapat memberi manfaat pendidikan, budaya dan ekonomi kepada masyarakat setempat.

5.6 Cadangan

5.6.1 Inventori Dan Dokumentasi Tapak Arkeologi

Pembangunan arkeopelancongan di Dabong perlu dimulakan dengan pelaksanaan inventori dan dokumentasi menyeluruh terhadap tapak-tapak arkeologi serta geoheritage yang berpotensi. Langkah ini penting bagi mengenal pasti nilai sejarah, saintifik dan pendidikan setiap tapak sebelum sebarang pembangunan dijalankan. Penglibatan pakar arkeologi, geologi dan sejarah tempatan dapat memastikan data yang diperoleh adalah tepat serta membantu dalam merancang strategi pemeliharaan yang berkesan tanpa menjejaskan keaslian tapak warisan.

5.6.2 Penyediaan Pusat Interpretasi Dan Maklumat Warisan

Penyediaan pusat interpretasi atau galeri pameran berskala kecil dicadangkan bagi menyampaikan maklumat berkaitan sejarah, arkeologi dan persekitaran semula jadi Dabong kepada pengunjung. Pusat ini boleh mempamerkan artifak, gambar, peta serta maklumat naratif yang mudah difahami. Kemudahan ini berfungsi sebagai medium pendidikan dan rujukan, sekali gus meningkatkan tahap kesedaran pengunjung terhadap kepentingan pemeliharaan tapak arkeologi.

5.6.3 Pembangunan Laluan Lawatan Dan Trek

Pembangunan laluan lawatan berpandu dan trek berkonsepkan arkeo-pelancongan dicadangkan bagi memberi pengalaman pembelajaran yang lebih tersusun kepada pelawat. Laluan ini boleh dilengkapi dengan papan tanda interpretasi yang menerangkan sejarah tapak, pembentukan geologi dan nilai warisan. Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan pergerakan pelawat, malah dapat mengawal aktiviti pelancongan agar tidak memberi kesan negatif terhadap tapak arkeologi.

5.6.4 Penglibatan Komuniti Setempat

Penglibatan komuniti setempat merupakan elemen penting dalam pembangunan arkeopelancongan yang mampan. Penduduk tempatan boleh dilatih sebagai pemandu pelancong, pengusaha homestay serta penyedia perkhidmatan sokongan pelancongan. Selain menjana pendapatan, penglibatan ini membantu memelihara warisan tidak ketara seperti cerita rakyat, adat dan pengetahuan tempatan yang berkait rapat dengan tapak arkeologi Dabong.

5.6.5 Menganjurkan Program Dan Aktiviti Berasaskan Warisan

Menganjurkan program seperti lawatan pendidikan, bengkel warisan, ekspedisi gua serta festival berasaskan sejarah dan budaya dicadangkan bagi menarik minat pelawat. Aktiviti sebegini dapat meningkatkan kesedaran awam terhadap nilai arkeologi Dabong serta memperkukuhkan imej kawasan tersebut sebagai destinasi pelancongan berasaskan ilmu dan warisan.

5.6.6 Penambahbaikan Infrastruktur Dan Aspek Keselamatan

Pembangunan infrastruktur asas seperti laluan yang selamat, papan tanda keselamatan, kemudahan tandas dan kawasan rehat perlu diberi keutamaan. Aspek keselamatan tapak juga perlu dipantau secara berterusan bagi mengelakkan kemalangan dan kerosakan tapak, terutamanya di kawasan gua dan hutan. Langkah ini penting bagi memastikan pengalaman lawatan yang selamat serta meningkatkan keyakinan pelancong.

5.6.7 Kerjasama Strategik dan Promosi Pelancongan

Kerjasama antara pihak berkuasa tempatan, agensi pelancongan, institusi akademik dan sektor swasta perlu diperkukuhkan bagi mempromosikan arkeopelancongan di Dabong. Usaha promosi yang bersepadu melalui pakej pelancongan, bahan digital dan program akademik dapat meningkatkan daya tarikan kawasan ini sebagai destinasi arkeopelancongan yang berdaya saing dan mampan.

5.7 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pembangunan arkeopelancongan di Daerah Dabong, Kelantan mempunyai potensi yang besar sekiranya dilaksanakan secara terancang, sistematik dan lestari. Keunikan tapak arkeologi, *geoheritage* serta persekitaran semula jadi yang masih terpelihara menjadikan kawasan ini berupaya dibangunkan sebagai destinasi pelancongan berasaskan warisan dan ilmu pengetahuan. Walau bagaimanapun, pembangunan tersebut perlu didahului dengan inventori dan dokumentasi tapak yang menyeluruh bagi memastikan setiap tapak dikenal pasti, dinilai dan dilindungi daripada

sebarang ancaman kerosakan.

Di samping itu, penyediaan kemudahan interpretasi, pembangunan laluan lawatan berpandu serta penambahbaikan infrastruktur asas merupakan elemen penting dalam meningkatkan pengalaman pengunjung dan kefahaman terhadap nilai warisan arkeologi. Penglibatan aktif komuniti setempat juga memainkan peranan signifikan dalam memastikan kelestarian pembangunan arkeopelancongan melalui pemeliharaan warisan tidak ketara serta peningkatan sosioekonomi penduduk tempatan. Pendekatan kolaboratif antara pihak berkuasa tempatan, agensi berkaitan, institusi akademik dan komuniti setempat perlu diperkukuhkan bagi menjamin keberkesanan pengurusan tapak arkeologi.

Kesimpulannya, pembangunan arkeopelancongan di Dabong bukan sahaja berpotensi menjana pertumbuhan ekonomi tempatan, malah dapat menyumbang kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan arkeologi untuk generasi akan datang. Dengan perancangan yang rapi, pemantauan berterusan dan kerjasama pelbagai pihak, Dabong berupaya muncul sebagai destinasi arkeopelancongan yang berdaya saing di peringkat negeri mahupun antarabangsa.

RUJUKAN

- Adi Haji Taha. (1985) The Re-excavation of the Rock-shelter of Gua Cha, Ulu Kelantan, West Malaysia. *Federation Museums Journal* 30 (New Series).
- Biggerstaff, D. (2012). *Qualitative Research Methods in Psychology*. Psychology.
- Chen, C. F., & Phou, S. (2013). A closer look at destination: image, personality, relationship and loyalty. *Tourism Management*, 36, 269-278.
- Chia, Stephen. (2011) *Pemuliharaan Dan Pemeliharaan Warisan Arkeologi Malaysia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Cresswell JW (2002) *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative*. Prentice Hall.
- Glynn Isaac (1971). Whither Archaeology. *Antiquity Journals*, 45.
- Kamus Dewan. 2005. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kim, Jinah. (2010) "Unfinished Business: Buddhist Reuse of Angkor Wat and Its Historical and Political Significance." *Artibus Asiae* 70 (1): 77–122.

Leong, S. H. (1973). A study of ceramic depositions from Pengkalan Bujang Kedah. [Tesis sarjana. Universiti Malaya].

Majlis Daerah Dabong. (n.d.). Info Dabong Retrieved June 25, 2025, from <https://mddabong.kelantan.gov.my/index.php/pelawat/info-dabong>

Mokhtar Saidin (2011). Dari Zaman Batu Ke Tamadun Awal di Malaysia: Pemerkasaan Jati Diri Bangsa. Siri Arkeologi Perdana, Universiti Sains Malaysia.

Mokhtar Saidin (2019). Warisan Budaya Sebagai Asas Pembinaan Negara. Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia.

Nur Atiqah (2023) Tapak Arkeologi Sungai Batu: Kajian Terhadap Penglibatan Komuniti Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang, Kedah, Malaysia.

Othman, S., Md, A., & Lateh, G. (2015). Pemikiran Akal Budi Dan Sosiobudaya Melayu Dalam Pendidikan Kesusasteraan Melayu. International Journal Of Education And Training (Injet), 1(2), 1–10.

Shuttleworth M (2008) Definition of Research. Experiment Resource.

Timothy DJ, (2007) The heritage tourist experience. Critical Essays, Volume tow, Published by Ashgate, UAS.

Tweedie M.W.F. (1953) The Stone Age in Malaya. *Journal of the Malayan Branch of Royal Asiatic Society* 24(2): 1-90

Uka Tjandrasasmita. (2009) *Arkeologi Islam Nusantara, Indonesia: Kepustakaan Popular Gramedia*.

Verkerk, V. (2017). The potential of wonderboom nature reserve as an archaeological and archaeotourism destination. A Master thesis submitted in University of Pretoria, South Africa.

Virto, N. R., Lopez, M. F. B., & Madariaga, J.G. (2011). Identifying motivations of archaeological sites visitors. *Cuadernos de Estudios Empresariales*, 21, 97-113.

Yasir, Muhammad. (2014). "Makna Toleransi Dalam Al-Qur'an", *Jurnal Ushuluddin*, No. 2, Vol. XXII.

Zuliskandar Ramli. 2013. *Kepentingan Morfologi dan Komposisi Bahan Artifak dalam Penyelidikan Arkeologi di Malaysia*. Dlm. Panji Pendeta, disunting oleh Abdullah Zakaria Ghazali & Zuliskandar Ramli. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA).

Zulkifli Jaafar. 2003. *Gua-gua Batu Kapur di Semenanjung Malaysia dalam Perspektif Arkeologi*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.

Zuraina Majid. 1996. Prasejarah Malaysia: Sudahkah Zaman Gelap Menjadi Gelap? (Siri Sarahan Umum). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**SOALAN SESI TEMU BUAL BERSAMA-SAMA EMPAT ORANG
INFORMAN YANG TERDIRI DARIPADA PEMANDU PELANCONG
(TOUR GUIDE), MAJLIS DAERAH DABONG, PENGUSAHA DAN
PENSYARAH UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**



- i. Menganalisis potensi tapak arkeologi di daerah Dabong, Kelantan sebagai destinasi arkeopelancongan yang lestari.
- ii. Menilai cabaran dalam pembangunan arkeopelancongan di tapak daerah Dabong, Kelantan.
- iii. Mencadangkan strategi pengurusan pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan.

Soalan-soalan akan dipecahkan kepada beberapa bahagian:

- a. Pengenalan dan latar belakang tapak arkeopelacongan di Daerah Dabong, Kelantan.
- b. Potensi tapak arkeologi di daerah Dabong, Kelantan sebagai destinasi arkeopelancongan yang lestari.
- c. Cabaran dalam pembangunan arkeopelancongan di Dabong, Kelantan.
- d. Strategi pengurusan pembangunan arkeopelancongan di daerah Dabong, Kelantan.

INFORMAN: PEMANDU PELANCONG (TOUR GUIDE)

a) Pengenalan dan latar belakang tapak warisan arkeopelancongan di Daerah Dabong, Kelantan	• Boleh encik ceritakan pengalaman sebagai tour guide yang membawa pelancong ke tapak arkeopelancongan di Dabong? • Sejauh mana encik mengetahui sejarah dan latar belakang tapak arkeologi di Dabong, seperti di Gua Keris?
b) Potensi tapak warisan arkeologi sebagai pusat arkeopelancongan.	• Menurut pengalaman encik, apakah perkara yang paling diperlukan oleh pengunjung semasa melawat tapak arkeologi di Dabong? (contoh: kemudahan asas, maklumat sejarah yang jelas, keselamatan, panduan perjalanan) • Pada pandangan encik, apakah faktor yang menjadikan tapak arkeologi di Dabong berpotensi menjadi tarikan pelancongan utama?
c) Cabaran dalam pembangunan pengurusan tapak warisan arkeologi.	• Pada pandangan encik, apakah cabaran utama dalam membangunkan tapak arkeopelancongan di Dabong? • Adakah encik menghadapi kesukaran untuk memberikan maklumat yang tepat dan mendalam tentang sejarah tapak arkeologi kepada pelancong?
d) Strategi dan cadangan untuk kemajuan tapak warisan arkeologi.	• Pada pandangan encik, apakah langkah utama yang perlu diambil untuk memperkukuh potensi tapak arkeologi di Dabong sebagai destinasi pelancongan yang lestari? • Apakah kemudahan tambahan yang encik rasa penting untuk disediakan bagi memenuhi keperluan pengunjung masa kini dan akan datang?

INFORMAN: MAJLIS DAERAH DABONG

a) Pengenalan dan latar belakang tapak arkeopelacongan di Daerah Dabong, Kelantan.	• Boleh tak encik perkenalkan diri terlebih dahulu, nama, jawatan serta tempoh perkhidmatan encik di Majlis Daerah Dabong? • Mungkin encik boleh kongsiikan sedikit tentang pengalaman serta penglibatan encik dalam pengurusan tapak arkeologi di dabong? • Apakah kepentingan tapak-tapak arkeologi ini terhadap komuniti tempatan dan sejarah Kelantan?
b) Potensi tapak arkeologi sebagai pusat arkeopelancongan.	• Boleh ke encik ceritakan sedikit tentang keunikan tapak warisan arkeologi di daerah dabong? • Bagaimana tapak gua keris yang diekskavasi oleh Jabatan Warisan Negara (JWN) ini dapat menjana pendapatan komuniti setempat? • Pada pandangan encik, sejauh mana infrastruktur dan kemudahan sedia ada di Dabong menyokong pembangunan arkeopelancongan? • Adakah encik berpendapat bahawa potensi arkeopelancongan di Dabong telah diterokai sepenuhnya atau masih banyak ruang untuk diperkembangkan? • Pada pandangan Encik, bagaimana tahap promosi dan penyelidikan lanjut di Dabong pada hari ini? Adakah memuaskan atau menurun?
c) Cabaran dalam pengurusan tapak warisan arkeologi	• Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh Majlis Daerah dalam mengurus dan memelihara tapak-tapak warisan arkeologi di Dabong? • Encik rasa, sejauh mana tahap kesedaran

	masyarakat di Dabong tentang kepentingan menjaga tapak warisan arkeologi di sekitar mereka? • Pada pendapat encik, adakah masyarakat tempatan di Dabong memerlukan latihan atau program kesedaran berkaitan arkeologi? Jika perlu, mengapa? • Apakah langkah yang telah diambil untuk menangani isu keselamatan tapak dari segi pencerobohan, penggalian haram atau vandalisme?
d) Strategi dan cadangan untuk kemajuan tapak warisan arkeologi	• Apakah strategi utama yang dirancang oleh Majlis Daerah Dabong dalam memajukan tapak-tapak warisan arkeologi sebagai produk arkeopelancongan? • Bagaimana pihak Majlis Daerah Dabong merancang untuk melibatkan komuniti setempat dalam usaha menjaga dan membangunkan tapak warisan arkeologi di kawasan Dabong? • Encik boleh kongsi tak sama ada Majlis Daerah Dabong ada perancangan untuk menambah baik kemudahan sokongan seperti jalan masuk, papan tanda atau kemudahan untuk pelawat di kawasan tapak? • Setakat ini, adakah Majlis Daerah Dabong ada menjalinkan kerjasama dengan pihak universiti atau mana-mana institusi penyelidikan berkaitan tapak arkeologi di kawasan Dabong? • Pada pandangan encik, apakah yang diharapkan oleh Majlis Daerah Dabong daripada pihak universiti dalam usaha pemeliharaan tapak arkeologi di kawasan Dabong?

INFORMAN: PENGUSAHA

a) Potensi tapak arkeologi sebagai pusat arkeopelancongan.	• Pada pandangan encik/puan, apakah potensi tapak arkeologi di Dabong untuk menarik lebih ramai pelancong? • Bagaimana kehadiran pelancong ke tapak arkeologi memberi kesan kepada perniagaan encik/puan?
b) Cabaran dalam pengurusan tapak warisan arkeologi	• Apakah cabaran utama yang encik/puan hadapi sebagai peniaga apabila bergantung kepada kedatangan pelancong ke Dabong? • Sejauh mana sokongan daripada pihak berkuasa tempatan atau agensi pelancongan mencukupi untuk membantu pengusaha kecil?
c) Strategi dan cadangan untuk kemajuan tapak warisan arkeologi.	• Pada pandangan encik/puan, apakah strategi yang sesuai untuk menarik lebih ramai pelancong ke tapak arkeologi di Dabong? • Adakah encik/puan bersetuju bahawa pakej lengkap (penginapan, lawatan, makanan tempatan) dapat meningkatkan pengalaman pelancong? Mengapa?

a) Latar belakang dan pengenalan.	• Boleh Dr. perkenalkan diri secara ringkas (nama, bidang kepakaran dan berapa tahun berkhidmat dalam bidang tersebut) • Adakah Dr. pernah berkunjung atau melawat di Daerah Dabong sebelum ini? • Sejauh mana Dr. mengenali kawasan Dabong dari segi potensi tapak arkeologi?
b) Potensi tapak warisan arkeologi sebagai pusat arkeopelancongan.	• Apakah elemen atau ciri-ciri yang menjadikan sesuatu kawasan itu diiktiraf sebagai tapak warisan arkeologi? • Bagaimana nilai sejarah dan warisan budaya di sesuatu tapak arkeologi dapat menarik minat pelancong tempatan dan antarabangsa? • Siapakah yang bertanggungjawab memastikan tapak arkeologi sentiasa dijaga, dipelihara, dan diurus dengan baik? • Sejauh mana pembangunan arkeopelancongan boleh memberi kesan positif terhadap ekonomi dan sosio-budaya masyarakat setempat? • Pada pandangan Dr., adakah faktor lokasi dan kemudahan asas memainkan peranan penting dalam menilai potensi pembangunan tapak warisan arkeologi?
c) Cabaran dalam pengurusan tapak warisan arkeologi.	• Apakah cabaran utama yang sering dihadapi dalam pengurusan dan membangunkan tapak warisan arkeologi sebagai produk pelancongan? • Bagaimana isu pemeliharaan dan

	pemuliharaan tapak boleh menjejaskan pembangunan arkeopelancongan? • Bagaimana faktor seperti kekurangan dana, kepakaran serta kesedaran masyarakat memberi kesan terhadap pengurusan tapak warisan arkeologi? • Pada pandangan Dr., apakah risiko atau kesan negatif yang mungkin timbul sekiranya aktiviti arkeopelancongan tidak diurus dengan baik?
d) Strategi dan cadangan untuk kemajuan tapak warisan arkeologi.	• Apakah pendekatan paling sesuai bagi mengekalkan pemuliharaan tapak warisan arkeologi selaras dengan usaha membangunkan tapak tersebut sebagai destinasi pelancongan? • Bagaimana teknologi moden seperti realiti maya, paparan interaktif atau aplikasi digital boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan daya tarikan tapak warisan arkeologi? • Apakah saranan atau strategi Dr. bagi memastikan pengurusan tapak warisan arkeologi dapat memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat setempat?

BORANG SOAL SELIDIK MELALUI GOOGLE FORM

13/9/2025 2:38AM PENGURUSAN TAPAK ARKEOLOGI: KAJIAN POTENSI PEMBANGUNAN
ARKEOPELANCONGAN DI DAERAH DABONG, KELANTAN

PENGURUSAN TAPAK ARKEOLOGI: KAJIAN POTENSI PEMBANGUNAN ARKEOPELANCONGAN DI DAERAH DABONG, KELANTAN

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera,

Saya Sufia Nur Amirah binti Shakirin, merupakan pelajar tahun 4 dan semester 7, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Saya sedang menjalankan penyelidikan tentang "Pengurusan Tapak Arkeologi: Kajian Potensi Pembangunan Arkeopelancongan di Daerah Dabong, Kelantan". Soal selidik ini dibangunkan untuk mengenal pasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi pembangunan arkeopelancongan iaitu aspek keselamatan, kemudahan, aksesibiliti, promosi. Melalui jawapan responden, kajian ini akan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi potensi pembangunan arkeopelancongan di Dabong, Kelantan dan menilai cabaran yang dihadapi dalam pengurusan tapak arkeologi di daerah Dabong, Kelantan. Sekian, Terima Kasih atas kerjasama yang diberikan.

Bahagian A: Maklumat Demografi Responden

1. Jantina

- ☐ Lelaki
☐ Perempuan

2. Umur

- ☐ 18-25 tahun
☐ 26-35 tahun
☐ 36-45 tahun
☐ 46-55 tahun
☐ 56 tahun dan keatas

3. Tahap Pendidikan

- ☐ SPM
☐ Diploma
☐ Ijazah Sarjana Muda
☐ Ijazah Sarjana

☐ PhD

Bahagian B: Faktor yang Mempengaruhi Potensi Arkeopelancongan di Daerah Dabong, Kelantan

1. Kawasan tapak arkeologi di Dabong selamat untuk dikunjungi.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

2. Terdapat papan tanda keselamatan di kawasan tapak.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

3. Pihak pengurusan menyediakan kawalan keselamatan yang mencukupi.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

4. Kemudahan asas di tapak diselenggara dengan baik.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

5. Papan maklumat yang disediakan jelas dan mudah difahami.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

6. Tapak ini menyediakan pelbagai kemudahan seperti gerai makan, tandas awam, surau, tempat letak kereta dan kedai cenderamata.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

7. Tapak arkeologi mudah diakses.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

8. Terdapat pengangkutan awam untuk ke tapak arkeologi.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

9. Akses internet membantu pengunjung mencari tapak arkeologi.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju

- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

10. Tapak ini sesuai dijadikan pusat pembelajaran tentang sejarah, warisan dan budaya.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

11. Tapak ini penting untuk dipelihara sebagai warisan negara.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

12. Tapak arkeologi di Dabong mempunyai nilai sejarah yang tinggi.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

13. Saya mengetahui tentang tapak arkeologi di Dabong melalui promosi di media sosial.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

14. Promosi yang dijalankan melalui media sosial berjaya menarik minat pelawat.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

15. Maklumat lokasi dan arahan ke tapak mudah dicari secara dalam talian.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

Bahagian C: Cabaran yang Dihadapi dalam Pengurusan Tapak Arkeologi di Daerah Dabong, Kelantan.

1. Keadaan laluan yang berbahaya menjejaskan keselamatan pelawat.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

2. Risiko kerosakan artifak atau tapak akibat pencerobohan atau vandalisme.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

3. Kawasan tapak arkeologi tidak mempunyai kawalan keselamatan yang mencukupi.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

4. Ketiadaan kemudahan asas berdekatan tapak arkeologi.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

5. Pusat informasi/pameran yang menceritakan sejarah tapak tidak berfungsi.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

6. Kurang papan arah yang jelas ke tapak arkeologi.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

7. Kos perjalanan yang tinggi.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju

- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

8. Sukar untuk mendapatkan pengangkutan awam.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

9. Tapak tidak boleh diakses pada musim tertentu.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

10. Tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan warisan arkeologi masih kurang.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

11. Aktiviti pelancongan di Dabong lebih tertumpu kepada alam semula jadi berbanding tapak arkeologi.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

12. Tiada latihan khusus untuk pemandu pelancong tentang sejarah arkeologi di Dabong.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

13. Promosi tentang kewujudan tapak arkeologi di Dabong masih rendah.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

14. Pengunjung lebih tertarik dengan promosi alam semula jadi berbanding tapak arkeologi di Dabong.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

15. Ketiadaan program berkaitan dengan arkeologi yang dijalankan secara konsisten.

- ☐ Sangat tidak setuju
- ☐ Tidak setuju
- ☐ Tidak pasti
- ☐ Setuju
- ☐ Sangat setuju

GAMBAR KERJA LAPANGAN



Gambar 1: Bersama-sama Encik Mohd Norisapandi Bin Muhammad Salleh,

Tour Guide

(Sumber: Kajian Lapangan, 7 Febuari 2025)



Gambar 2: Bersama-sama Encik Mohd Norisapandi Bin Muhammad Salleh,

Tour Guide

(Sumber: Kajian Lapangan, 25 September 2025)



Gambar 3: Pengkaji Telah Menjalankan Sesi Temu Bual Bersama Encik Mohd Norisapandi Bin Muhammad Salleh Selaku Pemandu Pelancong

(Sumber: Kajian Lapangan, 25 September 2025)



Gambar 4: Sesi Temu Bual telah Dijalankan Bersama Puan Umi Natasha Binti Khori, Selaku Pengusaha Kedai Teh O' Beng Samah, Sebagai Sebahagian

Daripada Pengumpulan Data Lapangan

(Sumber: Kajian Lapangan, 25 September 2025)



Gambar 5: Pengkaji telah Menjalankan Sesi Temu Bual dengan Dr. Daeng Haliza Binti Daeng Jamal, Pensyarah Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang Pakar dalam Bidang Pemuliharaan Warisan

(Sumber: Kajian Lapangan, 30 November 2025)



Gambar 6: Sesi Temu Bual telah Dijalankan Secara Dalam Talian Bersama Encik Hasram Bin Mohamed Hassan, Selaku Penolong Pegawai Perancang Bnadar Dan Desa, Majlis Daerah Dabong

(Sumber: Kajian Lapangan, 30 Disember 2025)



Gambar 7 menunjukkan responden sedang menjawab borang soal selidik di sekitar daerah Dabong.

(Sumber: Kajian Lapangan, 24 September 2025)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN